

DEWAN MAJLIS**Selasa, 28 Rejab 1443 / 1 Mac 2022****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir sebelah petang)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

(Hadir secara virtual)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kelima Selasa, 28 Rejab 1443 Hijrah bersamaan 1 Mac 2022 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ الْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya jua kita dapat bersama berkumpul lagi pada pagi ini bersidang bagi hari yang kelima dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan masih lagi membincangkan Rang

Undang-Undang (2022), Perbekalan 2022/2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan dan penelitian tajuk-tajuk seterusnya secara terperinci, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membolehkan kita membincangkan dan menimbang Rang Undang-Undang (2022), Perbekalan 2022/2023, satu-persatu yang mana undang-undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Pada hari Ahad yang lepas di sebelah petang, Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai mendengar mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang menjelaskan tentang hala tuju dan sasaran-sasaran dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka bagi Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini sekarang adalah saya bukakan untuk dibahaskan dan saya persilakan untuk memulakannya dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ عَلَيْنَا السَّلَامُ وَعَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terus sahaja kepada perbincangan menyebut sedikit mengenai pemeliharaan aset dan penyelenggaraan sistem teknologi maklumat dengan peruntukan yang diberikan. Untuk kemaslahatan orang ramai adalah dicadangkan supaya tanah perkuburan orang Islam di negara ini dijalankan secara bersistem.

Soalan saya iaitu:

1. Dimaklumi ada usaha sudah ada mengadakan sistem slot secara penumburan keatas beberapa buah tanah perkuburan, apakah *progress* perkara tersebut; dan
2. Apakah usaha di dalam memastikan kawasan tanah perkuburan adalah mematuhi peraturan-peraturan keselamatan, persekitaran serta kebersihannya. Untuk cadangan penambahbaikan, bolehlah maklumat tanah perkuburan dapat diakses secara menggunakan sistem teknologi maklumat dan pengurusan tanah perkuburan memperbaiki sistem wakaf dan pengurusannya. Seperti mempelawa orang ramai menyumbangkan lampu-lampu solar, membina akses-akses laluan di tanah perkuburan dan pembersihan tanah-tanah perkuburan. Tujuan semua ini ialah untuk mudah "mengilala" atau mengenali ataupun mengunjunginya kemudian kawasan yang lebih selesa

dan selamat untuk para pengujung dan tentunya penghormatan yang sesuai bagi ahli-ahli keluarga yang sudah meninggalkan kitani.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
awal-awal lagi kitani mendengar perkara tanah perkuburan, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad terutama sekali pemerhatian ataupun perhatian beratnya kepada tanah perkuburan dari segi pemeliharannya, dari segi erti katanya bukan sahaja kebersihan tetapi keselamatannya dan juga dari segi *accessibility* sebaliknya untuk mudah didatangi dan sempurnanya.

Memanglah dalam urus tadbirnya ada unit khusus untuk menangani perkara ini dan dalam tugas-tugas pembersihan dan degan tugas-tugas yang seterusnya atau kerja-kerjanya ada yang di *outsource* kepada kontraktor-kontraktor tertentu dan ada juga yang terus dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan di Unit Perkuburan.

Maklum sahajalah kitani tidak semuanya dapat menangani perkuburan seluruh negeri ini tetapi sedaya upaya kita telah melakukannya. Dan memang diakui ada keperluan-keperluan untuk meningkatkannya. Jadi peningkatan inilah yang sentiasa dari masa ke semasa difikirkan oleh Bangunan-Bangunan Pemeliharaan yang mengetua Unit Perkuburan itu dan

ان شاء الله dengan adanya peruntukan yang yang bersesuaian nanti, dapat dipergunakan di sana. Jadi pemeliharaan aset ان شاء الله kementerian akan cuba akan memenuhi sepenuhnya jangkaan ataupun harapan orang ramai dalam perkara ini.

Kita berharaplah juga sekarang ini kita ada semangat bergotong-royong dan semangat dalam erti kata pemedulian. Cubalah kitani hidupkan semangat ini di kalangan masyarakat. Jangan ada terus menerus sesuatu perkara yang didapati mengenai perkuburan, ia mudah saja di akses muat turun di dalam media sosial tidak dengan pengetahuan pihak yang berkenaan.

Maka sedemikian itu, menolong untuk mendapatkan maklumat sampai kepada pihak berkenaan. Tetapi kita hendaklah menunjukkan perkara-perkara bersama itu kepada kitani sebagai orang ramai sendiri masjid ada jemaah masjidnya, takmirnya, ketua kampung ada majlis perundingan kampungnya.

Jadi perkuburan-perkuburan yang ada di kampung-kampung, yang ada di mukim-mukim bolehlah juga dilihat bersama-sama kerana penggunaannya memang kerajaan yang menangani, ada bahagiannya. Tetapi kerajaan terbatas dengan keupayaan-keupayaan tertentu dan kerana itulah kitani cubalah bekerjasama dengan semangat bergotong-royong dalam semangat pemedulian bukan sahaja terhadap pemedulian terhadap *environmental* terhadap ini alam sekitarnya. Jadi khusus

bagi kita ialah tanah perkuburan, terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Pengerusi,

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, sebelum kita bersidang di dewan yang mulia ini, pihak Jabatan Majlis Mesyuarat Negara telah mengaturkan muzakarah bersama kementerian-kementerian. Maka di sini kaola hanya membawa satu soalan saja.

Soalan saya, Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dicadangkan supaya Negara Brunei Darussalam memohon Kepada pihak Kerajaan Arab Saudi berkenaan kuota haji supaya dijadikan kuota tetap sebanyak 2,000 orang setiap musim haji. Memandangkan penduduk negara kita tidak mencapai jumlah hingga berjuta-juta maka dengan kuota tetap sebanyak 2,000 masih jauh sedikit jumlahnya dibanding negara-negara yang penduduknya hingga 200 juta ke atas jauh lebih banyak.

Mohon Kebijaksanaan pihak di Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membuat perundingan.

Sekian Terima Kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang terhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola menyambut baik seruan ini tetapi اللَّهُ الْحَمْدُ Yang Berhormat menyebutkan permohonan kebijaksanaan kementerian untuk mendapatkan tambahan daripada 1,000 kepada 2,000. Sebenarnya kitani mempunyai kuota rasmi hanya 400 orang sahaja, tapi selama 3, 4 tahun berturut-turut, ertinya kitani telah dapat meningkatkan daripada 400 ke 600, kemudian 800 dan seterusnya kepada 1,000.

Ini semua berlaku dengan cara kebijaksanaan perundingan-perundingan kitani kerana diluar kuota untuk peruntukan berdasar penduduk umat Islam kitani. Tetapi اللَّهُ الْحَمْدُ kitani telah menghadapi perundingan antara menteri dengan menteri, Menteri Ugama dengan Menteri Hal Ehwal Haji di Arab Saudi. Perkara ini telah dipertimbangkan, dan اللَّهُ الْحَمْدُ pertimbangan itu adalah dari 400 tambah 200, tambah 200, tambah 200 menjadikan tambahan kuota itu menjadi daripada kuota asal. Dan mudahan-mudahanlah yang atas ehsan melebihi kitani bukan menuntut ietapi adalah memohon ihsan di dalam perkara ini.

Dari segi pendaftaran haji setiap tahun kalau dibandingkan dan dijumlahkan semuanya, maka memanglah kitani tidak

dapat menampung. Sekurang-kurangnya pada masa ini ada dalam 20 ribu dalam senarai menunggu, jadi bandingkanlah di sana. Kalau pun kitani dapat orang, memang dengan syarat-syarat tertentu untuk memilih siapa yang sahaja dapat menunaikan fardhu haji seperti ada syarat-syarat pada masa ini, tetapi masih juga menunggu. Dan ini dialami oleh semua negara bukan saja kitani dan itulah terima kasih Yang Berhormat meminta kebijaksanaan kementerian untuk berunding ertinya untuk mendapatkannya melalui perundingan-perundingan persefahaman yang baik antara kedua buah negara. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terutama sekali kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas ucapan mukadimah Pehin pada hari Ahad lepas yang jelas menyampaikan akan usaha-usaha dan Perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang sedang dan akan berjalan, begitu juga atas kejayaan Kementerian yang telah di capai.

Kaola juga mengagumi dan mengucapkan tahniah atas ikhtiar dan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama dengan agensi berkenaan menghidupkan Brunei dengan dikir dan munajat terutamanya dengan tersiarnya bacaan Surah Yassin di radio dan TV pada setiap malam dan begitu juga usaha menjayakan Malam Munajat

bersama dengan orang ramai dan kementerian-kementerian terpilih setiap minggu secara maya. Semoga usaha ini konsisten dan berterusan demi ikhtiar kita menyelamatkan negara dan bahaya wabak *COVID-19*. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola amat tertarik dengan mukadimah Yang terhormat Pehin mengenai dengan wakaf. Yang mana ianya merupakan salah satu projek rancangan strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2024 di bawah strategi Pemerkasaan Wakaf Ke Arah Kesejahteraan Negara.

Kaola rasakan ini adalah satu perancangan yang tepat kerana wakaf adalah satu sumber kewangan yang penting dalam Islam selain zakat, bahkan ia boleh membantu menampung ekonomi negara jika ianya diurus dengan teratur dan sistematik. Maka atas dasar ini sebagaimana pemerkasaan wakaf termasuk dalam Rancangan strategik 5 tahun kementerian iaitu tahun 2022 hingga tahun 2024.

Kaola ingin minta penjelasan lanjut, kaola mohon maaf Yang Berhormat Pehin, barangkali jika perkara ini ada dibawa pra-MMN yang lalu, iaitu dalam muzakarah bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama di mana kaola tidak hadir pada waktu itu. Maka kaola ingin minta penjelasan lanjut:

1. Apakah sudah ada bayangan atau ketetapan adakah wakaf ini akan diurus tadbir di bawah satu jabatan khusus atau di bawah satu badan bukan kerajaan seperti Badan Tanmiah?;

2. Apakah strategik wakaf yang bakal diperkenalkan nanti, adakah tertumpu pada wakaf tanah dan wakaf harta-benda atau kepada wakaf tunai yang dikumpul dalam satu tabung wakaf atas tujuan am?.; dan
3. Bagaimanakah peraturan wakaf, atau wakaf itu nanti dikendalikan?.

Mohon Yang Berhormat Pehin pencerahan dari Pehin. Terima kasih.
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai wakaf ini, dapat dijelaskan begini, ini memang strategi Kementerian untuk tahun 2024/2025. Yang penting kita ketahui wakaf sudah sedia ada dengan perundangannya yang termasuk dalam Undang-undang Majlis Ugama Islam, tetapi undang-undang itu perlu dikemaskinikan dalam erti kata wakaf hendaklah mempunyai undang-undangannya tersendiri, aktanya tersendiri. Jadi penggubalannya pada masa ini sudah sampai kepada peringkat akhir, ان شاء الله dapat disiapkan pada tahun ini. Dan dalam undang-undang, aktanya itu akan memasukkan jua, perancangan untuk melaksanakan wakaf yang teratur, berkesan, tersusun, sesuai dengan hasrat untuk menjadikannya sebagai satu pemangkin, sebahagian daripada pemangkin, dalam pembangunan infrastruktur atau apa-apa jua yang

memerlukannya. Jadi dalam undang-undang itu nanti, akan disebut perkara mengenai lembaga atau pun urus tadbirnya, ان شاء الله jikalau itu sudah selesai nanti kitani akan melihat ia akan ditadbirkan secara teratur, bagi mencapai apa hajat.

Pada masa ini wakaf, tanah-tanah wakaf dan beberapa sumbangan-sumbangan telah dipergunakan dengan setakat *seporadic* mengikut apa yang ditentukan. Yang sudah ada Badan Tanmiah mengembangkan harta wakaf ini, banyaknya Badan Tanmiah sudah tertubuh sekian ini, tetapi belum Tanmiah mengembangkan, cuma dalam urus niaganya dalam bidang *property* dan sudah ada ketetapan Majlis menyokongnya untuk meluaskan bidang perniagaannya itu kepada bidang-bidang yang lain. Tetapi wakaf akan ditadbir urus bukan di bawah Badan Tanmiah ان شاء الله akan ditadbir urus dalam satu pentadbiran yang boleh mencapai hajat wakaf orang Brunei. Banyak tanah-tanah yang boleh dimajukan dan banyak sumbangan-sumbangan orang ramai yang terkumpul dalam tabung zakat dalam akaun zakat yang boleh dipergunakan dengan sebaik-baiknya.

Satu perkara yang mesti diingati dalam keadaan sedemikian itu sudah, wakaf menyumbang kepada sebahagian daripada meningkatkan fiskal kerajaan. Satu contoh masjid, ada masjid wakaf. Ertinya, berharga jutaan ringgit oleh orang perseorangan atau keluarga dan ada masjid-masjid yang belum lengkap dengan bilik jenazah, belum lengkap dengan kereta jenazah, belum lengkap

dengan kemudahan-kemudahan termasuklah jua *parking* bagi orang-orang yang kurang upaya, laluan bagi orang kurang upaya dan ini telah menggunakan secara wakaf sama ada oleh ahli-ahli jemaah masjid ataupun orang-orang perseorangan dan keluarga diqariah masjid atau tadahan masjid ataupun orang yang tertentu yang menentukan wakafnya bagi perkara ini. Jadi perbelanjaan kerajaan, kata misalnya bagi sebuah kereta jenazah tidak kurang \$40,000 dan tambahan bilik jenazah tidak kurang dari \$15,000 hingga \$20,000 ribu.

Kalau bergantung hanya kepada peruntukan pemeliharaan maka tidak dapat meringankan. Begitulah pada masa hadapan mungkin wakaf ini akan dipergunakan untuk membantu infrastruktur-infrastruktur tertentu yang juga akan membantu meringankan fiskal kerajaan ان شاء الله. Terima kasih, Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Tapi sebelum itu saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya, jika menyoal timbulkanlah saja soalan, sebab keistimewaan untuk membuat mukadimah ini adalah untuk menteri-menteri menerangkan mengenai dengan belanjawan kementerianya masing-masing. Jadi kalau setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat *intronya* yang begitu panjang, jadi meleret-leret jadinya. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyoal dan terus menyoal dan akan dijawab oleh menteri-

menteri yang berkenaan dan saya telah difahamkan bahawa beberapa sesi muzakarah telah pun diadakan. Saya percaya perkara-perkara ditimbulkan ini sudah ditimbulkan dalam majlis-majlis muzakarah yang diadakan itu. Saya minta dengan seikhlas-ikhlasnya kalau sudah dijawab tidaklah perlu dibawa dalam majlis ini lagi. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola bercakap mengenai 2 persoalan sahaja dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama ini. Iaitu mengenai dengan Sastera Islam.

1. Sastera Islam adalah sastera dakwah yang tujuannya untuk memperingatkan umat-umat manusia menuju kebaikan dunia dan akhirat berdiri di atas landasan
العمرى بيل معروف وان ناهيو أنيل مونجكار

Kaola ingin bercakap mengenai novel berunsur keislaman, kalau tidak silap pada tahun 2010 ada peraduan menulis novel berunsur Islam yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah yang menarik penyertaan lebih kurang sebanyak 42 orang penyertaan. Novel berunsur Islam setentunya boleh membentuk masyarakat, meningkatkan keimanan jika jalan cerita diolah oleh penulis berdasarkan akidah akhlak-akhlak dan syariah. Agar ianya menarik dibaca terutama golongan muda jika

jalan cerita ada pertentangan watak utama dan watak sinetron yang jahil dan jahat mendapat balasan sama ada baik atau buruk.

Sehubungan itu kaola ingin tahu adakah pemenang-pemenang pertandingan ini serta penulis yang lain yang bersesuaian novel-novel mereka telah dicetak dan adakah perancangan untuk mengadakan banyak peraduan ini di masa akan datang. Jika novel-novel ini dicetak adalah disarankan untuk diedarkan ke perpustakaan sekolah-sekolah secara percuma dan dicadangkan juga supaya novel-novel yang terbaik ini diolah menjadi drama tv bersiri kerana melaksanakan dakwah selain pendekatan ceramah dan kemasyarakatan adalah juga dapat menggunakan ciptaan novel, cerpen, drama dan puisi dan lain-lain seni sastera berunsur keislaman.

Yang Berhormat Pengerusi.

Yang kedua, kaola bercakap mengenai dengan pengisian kurikulum kerohanian sekolah-sekolah agama. Kini mempunyai beberapa seni budaya Islam dalam kurikulum sekolah agama. Di antaranya tulisan khat jawi, bacaan rawi, berzanji dan Dikir Syarafil Anam Brunei. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**

boleh dibanggakan kerana kebanyakan pelajar agama menguasainya iaitu Dikir Syarafil Anam. Malah sering dipertandingkan di kalangan sekolah-sekolah agama. Malah pelajar-pelajar ini ada yang dipelawa mewakili takmir masjid, MPK, MPM dan persatuan-persatuan untuk pertandingan dikir.

Jadi untuk menambah pengisian kurikulum kerohanian persekolahan sekolah agama, kaola mencadangkan supaya dikir lama Brunei dapat dilaksanakan untuk mengekalkan seni kebudayaan Islam Brunei pada zaman dahulu agar tidak pupus kerana nampaknya dikir lama ini jarang diketengahkan malah tidak lagi dipedulikan. Tambahan pula orang-orang lama yang mahir dalam dikir lama ini sudah tiada. Adalah diharapkan sekurang-kurangkan satu pelajar satu dikir dapat menghayatinya. Tidak perlu banyak salah satu dari Bis Shahrin Udana Laila, Badat tofi, Khairuman Udana Laila, Badat Nurjalah dan Khairumman Udana Laila.

Selain daripada pengisian yang tersebut di atas tadi, boleh juga ditambah dengan penulisan dan deklamasi puisi lama

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan terima kasih laluan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengerusi.

Ada dua soalan kalau anda silap saya dapat menangkap satu mengenai sastera Islam satu mengenai Dikir Brunei. Sastera Islam disebutkan bahawa Pusat Da'wah ada mengadakan peraduan novel pada 2013. Seingat saya pada 2013 ialah bersempena dengan 25 tahun penubuhan Pusat Da'wah Islamiah. Jadi peraduan itu sangat berjaya

sebagaimana yang dinyatakan tadi dan hasilnya telah pun diterbitkan. Cuma tadi ada saranan supaya penerbitannya itu dibahagikan ke sekolah-sekolah untuk bacaan.

Sebenarnya inilah kitani mesti berfikir jua. Kerajaan berbelanja menerbitkan sesuatu macam dalam perkara ani penerbitan dalam Pusat Dakwah memerlukan berbelanja. Jadi perbelanjaan itu didapati akan dikutip balik semula melalui hasil jualan. Jadi itulah sebenarnya cara kitani, bukan semata-mata semua sekali akan dibuat oleh Kerajaan dan dibahagi kepada orang ramai secara percuma kerana pembacaan ini terpulung kepada minat membaca. Kalau dibuat pada sekolah-sekolah, tentulah pihak kerajaan akan menerbitkannya dengan jumlah yang banyak dengan perbelanjaan yang banyak. Dan itu tidak mungkin dapat dilakukan kecuali misalnya mengenai mushaf, penerbitan mushaf untuk sekolah-sekolah, penerbitan mushaf untuk orang ramai yang dibahagikan kepada keluarga-keluarga, itu sudah ada. Dalam masa yang sama, mushaf itu dicetak untuk kegunaan orang ramai membelinya dan masih jua dijual.

Mengenai kepentingan sastera Islam sebagaimana Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit menyebutkan adalah untuk kepentingan dunia akhirat. Sebenarnya itulah kitani menyabut Sastera Islam, adalah sastera yang berunsur ataupun bertemakan perkara-perkara keagamaan mengenai bukan sahaja mengenai jahat baik, tetapi yang penting Sastera Islam itu dihasilkan

bukan sahaja semata-mata oleh penghasil-penghasil yang kalau dalam istilah Al-Quran, *Al-Ghawuun* iaitu orang yang ke hulu ke hilir bercakap mengenai kebaikan tetapi mereka tidak melakukan kebaikan. Jadi kerana itu sastera Islam itu telah didukung dengan penjiwaannya.

Sebenarnya dari semasa ke semasa, Pusat Da'wah Islamiah menerbitkan hasil-hasil ini bukan sahaja melalui peraduan novel tetapi adalah melalui majalah-majalah yang ada seperti Majalah al-dams dan Berita Muslimin. Ia kalau hasil sastera yang berupa puisi diterbitkan di kedua-dua majalah ini dan dikumpulkan menjadi Puisi Hidayat namanya diterbitkan dalam setahun, dua tahun setelah terkumpul. Kemudian begitu juga cerpen disiarkan di sana. Jadi ini adalah proses yang berterusan.

Dan yang kedua kaola ingin menyebutkan Yang Berhormat Pengerusi. Menyebut sastera Islam bagi kepentingan kitani Brunei. Brunei sudah mentokohkan tokoh sastera Islam pada tahun 2008, atas inisiatif anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dan kitani mentokohkan Muda Omar Ali Saifuddien sebagai tokoh sasterawan Islam. Dan ini memang tepat kerana sastera melambangkan kepada identiti dan bahkan entiti bangsa itu. Selama ini kitani di Brunei adalah bersama-sama dalam gerakan sastera nusantara yang berbahasa Melayu. Jadi tidak jelas identiti dan entiti kitani.

Oleh kerana Brunei sejak tahun 1984 sudah jelas entitinya sebagai satu negara berdaulat, merdeka sepertimana negara-

negara jiran kita yang lain. Maka sastera kitani itu, walaupun berbahasa Melayu adalah sastera Brunei kerana itulah ada pentokohan ada dibuat pada tahun 2008. Satu pentokohan Sasterawan Islam dan yang kedua pentokohan Sasterawan Moden Brunei iaitu bagi penyair Syair Rakis dan bagi sastera adalah kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, berdasarkan sastera karya-karya Syair-Syair Al-Marhum itu.

Dan ini sangat penting untuk diambil perhatian orang ramai oleh pihak-pihak yang berkenaan pusat-pusat pengajian tinggi dan gerakan-gerakan seperti gerakan-gerakan *civic society* untuk mengembangkan perkara ini. Umpamanya pengajian tinggi, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam pengajian Bruneinya ada memasukkan pengajian sastera Islam. Yang merujuk jua kepada tokoh sastera Islam, hasil-hasil Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, di situ suatu tanda yang bagus dan ada sudah melahirkan beberapa kajian-kajian di peringkat Sarjana dan juga di peringkat Sarjana Muda.

Kemudian di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) sudah ada baru-baru ini ditubuhkan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan **ان شاء الله** perkara ini akan dimasukkan pengajian sastera Islam dan ada hubungan dengan pendidikan merujuk kepada sastera Islam di Brunei yang ada sudah tokoh-tokohnya.

Kemudian di UNISSA **ان شاء الله** perkara itu akan barangkali boleh difikirkan oleh UNISSA. **ان شاء الله** perkara itu akan barangkali boleh difikirkan mengenai UNISSA dalam ikhtiar kerana UNISSA ada Fakulti sastera yang berbahasa Arab.

Jadi Sastera Islam di sana itu adalah merujuk kepada Sastera Islam yang berbahasa Arab, belum ada yang Bahasa Melayu ataupun sastera merujuk kepada melayu melainkan satu dua buah buku yang dibuat kajian bekas pensyarah Universiti Brunei Darussalam pada masa dahulu dan sempat berkhidmat di UNISSA untuk membuat kajian berhubung dengan salah satu tokoh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan juga tokoh Sasterawan Islam juga penggiat Sasterawan Islam Syukri Zain. Semuanya hasil ditulis dalam bahasa Arab sedemikianlah kepentingan yang penting. Kaola akan menekankan kitani Brunei bukan sahaja ada identiti kitani bahkan ada sudah intiti politik kitani identiti kitani dengan sistem sosial dan sistem pemerintahan kitani sudah ada. Dan mestilah juga sastera mempunyai identiti kitani. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai yang kedua berhubung dengan apa kalau saya masih ingat mengenai Dikir Brunei untuk dipelajari. Benar, Dikir Brunei ini pada satu masa dahulu dalam pendidikan. Sekurang-kurangnya Kementerian Hal Ehwal Ugama berusaha untuk menjadikan dikir ini dipelajari sebenar-benarnya dan sedang dipelajari tetapi usaha itu ialah dengan terlebih dahulu memperbaiki

bentuk penyampai Dikir Syarafil Anam dan berzanji. Berdikir Syarafil Anam yang sudah diubah supaya tidak dengan lagu memanjang-manjang. Kemudiannya ialah Dikir Brunei Darussalam yang dalam versi yang moden yang pada masa ini dan itu yang dipelajari, sudah diajarkan di sekolah-sekolah secara *extra* kurikulumnya. Ini berpunca daripada kritikan terhadap dikir itu. Dikir itu dibawakan dengan pembawaan yang menyalahi.

Ini yang kaola rasa kitani yang mengkritik itu sendiri keliru menyalahi hukum-hukum tajwid bagaimana dikir ini ditajwidkan tajwid ini Al-Quran. Jadi lalu diubah lagu Brunei itu, menyalahi hukum tajwid dan berdosa. Maka di adakan seminar memperbaiki Dikir Brunei itu dan hasilnya sampai sekarang ini **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**

Tapi satu perkara yang mesti juga menjadi sejarah dan untuk menjadi perhatian kitani dalam keadaan sedemikian itu Dikir Brunei sementara ia belum lagi diubahsuai kepada yang dalam erti kata tidak menyalahi tajwid itu, diperkenalkan pula satu lagi Dikir Daba'ie dan Dikir Daba'ie ini pun bersainglah dalam keadaannya menimbulkan kelompok-kelompok yang peminat yang mungkin tidak menerima terhadap satu dengan yang lain dan ini tidak baik.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kementerian Hal Ehwal Ugama kaola dapat menjamin dari dahulu sampailah sekarang ini tidak menganggap sedemikian dan masing-masing mana yang kan mahu untuk Dikir Daba'ie, Dikir Daba'ielah dan Dikir Brunei

teruskanlah tinggal lagi Dikir Brunei yang sekarang ini perlu juga balik semula kepada Dikir Brunei yang dilagukan mengikut lagu yang sebenar-benarnya. Janganlah watir dan janganlah walang kalau lagu-lagu sedemikian panjang sedemikian itu tidak mengikut harkat-harkat mengikut bahasa dalam Al-Quran janganlah dikhuatirkan akan berdosa kerana ianya bukan ayat-ayat Al-Quran yang ditajwidkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Sukacita kaola membawa dengan buku teks dan buku-buku kerja sekolah ugama. Dalam hubungan ini, sudah tiba masanya Kementerian Hal Ehwal Ugama membuat e-Buku atau *e-Book* yang mana semua buku-buku teks dan buku-buku kerja dimuatkan di dalamnya. Perkara ini mudah dilakukan memandangkan buku-buku teks yang dipelajari pada masa sekarang adalah terbitan tempatan dan bolehlah bekerjasama barangkali dengan institusi pengajian tinggi utama tempatan untuk membuat dan menerbitkan *e-Book* tersebut.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kaola menjawab Yang Berhormat Pengerusi kaola minta menjelaskan dahulu kaola tahu perkara yang dibangkitkan ini mengenai buku teks dan mengakui Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Jabatan Pengajian Islam mengeluarkan buku teks tapi yang disarankan oleh Yang Berhormat barangkali pendengaran kaola kurang jelas Yang Berhormat Pengerusi mudah-mudahan Yang Berhormat mengulang dengan jelas apa isunya apa saranan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Naim bin

Haji Kamis: Terima kasih. Maksudnya buku-buku teks itu dimasukkan dalam *e-Book* satu dalam *pendrive*kah untuk menyenangkan tujuannya untuk meringankan murid-murid membawa daripada beban yang berat kalau buku. Satu lagi sebagai pilihan kepada murid-murid selain daripada diberi buku teks dan sesuai dengan perkembangan semasa dimana rata-rata anak murid sudah mempunyai kemudahan sendiri seperti telefon bimbit dan akses *internet*.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Kalau kaola tidak silap maksudnya secara ringkas supaya buku-buku itu tidak sahaja diterbitkan dalam buku tetapi teks sukatan pelajaran sekolah-sekolah ugama itu dibuat secara *online*. Ini saranan yang bagus tetapi sebenarnya ini pun sudah Jabatan Pengajian Islam untuk pengetahuan

orang ramai sangat aktif dalam kegiatan *online* dinamakan *digital* namanya.

اللَّهُمَّ sesuai hala tuju kitani ke arah peningkatan lagi penggunaan digital ini lagi. Banyak usaha-usaha Jabatan Pengajian Islam untuk mendigital perkhidmatannya termasuklah juga dengan buku-buku teks tetapi bukan khusus buku-buku teks yang biasa, juga yang diterbitkan dalam pada masa ini ada juga disalurkan secara *digital* atau *online* dan barangkali bolehlah Yang Berhormat atau orang ramai yang berkenaan untuk akses *website* atau sesawang yang berkenaan Kementerian Hal Ehwal Ugama ataupun di bawah sesawang Jabatan Pengajian Ugama Islam, silakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kerana menyampaikan mukadimah mengenai dengan Kementerian Hal Ugama.

اللَّهُمَّ dalam kesempatan ini kaola merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam untuk membina dua buah masjid iaitu Masjid di Rancangan Perumahan Negara Mengkubau Pancur dan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Meragang.

اللَّهُمَّ بِمَبْنَاهُ pembinaan kedua-dua buah masjid ini telah pun berjalan. Semoga pembinaannya akan lancar dan sempurna. Sesungguhnya pembinaan masjid ini amatlah besar maknanya terutama kepada rakyat dan penduduk yang tinggal di kedua-dua Rancangan Perumahan Negara. Inilah rumah الله سبحانه وتعالى tempat hamba-hamba-Nya bermunajat dan mengerjakan amal ibadat, sembahyangku kerana Allah.

Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh beberapa cadangan, اللَّهُمَّ sejak surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dibina beberapa tahun lalu, surau tersebut dikunjungi ramai para jemaah terdiri dari mereka yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan juga para penduduk sekitarnya. Kunjungan para jemaah tersebut adalah untuk menunaikan Solat Fardu 5 waktu, Solat Sunat Tarawih, Solat Sunat Aidilfitri dan Aidiladha.

Untuk keselesaan dan menjimatkan lagi masa bagi mereka yang bertugas atau bekerja di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei dan penduduk sekitarnya, kaola menyarankan dan mencadangkan untuk memberikan pandangan kepada pihak kementerian ada moleknnya surau tersebut untuk dibukakan juga untuk solat Fardu Jumaat untuk memudahkan lagi para jemaah yang saya nyatakan tadi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman dan Terima kasih Pengerusi. Kaola memahami cadangan supaya surau Lapangan Terbang yang sudah sedia ada dan sudah digunakan dengan sebaiknya dan mencapai tujuannya sebagai surau, sudah pun diakui oleh Yang Berhormat berjalan dengan baik, tinggal lagi dijadikan juga untuk mendirikan Sembahyang Jumaat bagi kemudahan dan kegunaan bagi pengguna-pengguna. Perlu diingat bahawa surau itu dalam tadahan Mukim Berakas, Khususnya Kampung Berakas dan sekitarnya, juga Kampung Serusop, Kampung Burung Pingai, Kampung Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti dan sebagainya.

Jadi di kawasan tersebut terdapat masjid, tidak jauh dari sana terdapat jua Masjid As-Solihin, Masjid Serusop, Masjid Sufri Bolkih dan sekurang-kurangnya masjid tersebut dalam tadahan. Jadi tidaklah menjadi kesulitan, bahkan penduduk di Kampung Jaya Setia dan Kampung Setia Bakti dan sebagainya termasuk daripada penduduk Kampung

Burung Pingai ada jua yang pergi ke Masjid As -Solihin.

Tiada masalah kepada siapa saja pengguna surau yang biasa bersembahyang fardu disana, untuk waktu bersembahyang Fardu Jumaat yang memang ada dikhususkan antara pukul 12 hingga 2 petang. Mereka dikecualikan dari tugas, bolehlah pergi ke masjid-masjid yang dalam tadahan tersebut. Ini bukanlah suatu keadaan yang mendesak, masjid-masjid masih boleh digunakan lagi, jadi surau tetaplah ia sebagai surau. ان شاء الله sebagaimana jua di sana ada surau daripada Kementerian Pertahanan, Berakas Garison dan ada lagi terdapat surau-sarau yang tidak dapat disebutkan di sini.

Semua perhatian yang sedemikian ini memang baik, tapi jika orang ramai berkehendak sedemikian, Yang Berhormat bolehlah menasihatkan orang ramai atau *group* tertentu yang mana kitani mengikut tadahan surau dan masjid-masjid yang berhampiran. Jadi masjid berhampiran, masih bolehlah digunakan bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Janganlah mendesak sehingga nanti ada alasan tidak boleh bersembahyang Jumaat kerana meninggalkan tugas dan sebagainya. Sekian Terima Kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola juga ingin menyampaikan beberapa perbincangan dalam Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam perkara ini kaola akan cuba ringkas yang boleh untuk membuat pertanyaan dan cadangan.

1. Mengenai dengan jawatan-jawatan bilal, marbut ataupun pembersih luar dan dalam masjid. Nampaknya tidak semua masjid mempunyai pekerja-pekerja tersebut secara yang ditawarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid. Jadi jawatan itu adalah perlu supaya diadakan untuk mengisi jawatan tersebut dan ada penjawat-penjawat yang tertentu di setiap masjid bagi kemudahan-kemudahan dan peranan mereka yang boleh memudahkan di masjid-masjid. Walaupun pada masa ini, kerana tidak ada jawatan tersebut diisikan oleh jawatankuasa takmir, tetapi mungkin jua akan menimbulkan masalah kerana ia tidak berperanan sepenuhnya sebagai seorang bilal. Dan keduanya mereka sudah berumur dan tidak yakin akan dapat membuat sepanjang masa sebagai jawatan bilal atau marbut dan pembersih luar dan dalam masjid.

Kaola memohon supaya jawatan yang sudah lama tidak ditawarkan ini dapatlah ditawarkan untuk masjid-masjid di seluruh negara yang memerlukan.

2. Mengenai dengan Peggapai nampaknya jikalau masa dulu, senang kita berhubungan kerana di mukim-mukim namanya diberi *label* supaya senang dicari. Tetapi sekarang tidak ada. Cuma dipusatkan di pejabat-pejabat, di daerah-daerah, pejabat ugama dan bilangannya terhad. Kalau berlaku kebetulan perkara yang memerlukan mereka di dalam daerah, kalau ada terjadi dua tiga untuk disempurnakan, jadi terpaksa menunggu giliran oleh keluarga tersebut.

Cadangan baiktah ada di mukim-mukim peggapai. Peggapai dahulu terdapat di Mukim Liang iaitu Biro Wanita dari MPK yang berkursus di masjid, tetapi mendukacitakan, mereka ini setelah berkhidmat dan dapat membuat penyempurnaan tersebut. Pernah terjadi setelah penyempurnaan jenazah tersebut dibuat, dimandikan dan sebagainya hampir siap dikafankan, baharulah petugas dari jabatan yang berkenaan datang, Dan apabila datang mereka tidak menerima dan disuruh dimandikan kembali jenazah tersebut. Jadi mereka seolah-olah tidak mempercayai ahli-ahli jawatankuasa yang sudah mengadiri kursus tersebut. Jadi perkara ini menjadi tidak kesedaran hati dan akhirnya mereka tidak mahu berfungsi lagi sekarang. Jadi kaola harap sebenarnya peggapai ini tidak menyusahkan setiap mukim untuk menjalankan tugas. Dan seterusnya satu lagi sedikit secara ringkas.

3. Mengenai dengan penubuhan Sekolah Arab di Daerah Belait telahpun ditubuhkan pada tahun 2005 dan sudah berumur 17 tahun sekolah ini. Ianya berjalan di Daerah Belait. Tetapi pada masa ini masih lagi pengajiannya di tahap tingkatan 2 walaupun sudah 17 tahun. Jadi para keluarga ini kadang-kadang kalau sudah dua tahun itu terpaksa buat pilihan samaada menyambung ke Sekolah Menengah Arab Mahad atau akan berhenti menyambung ke sekolah kerajaan.

Kalau sekiranya mereka ini ditawarkan untuk kanak-kanak itu menyambung dan terus tinggal di asrama, inilah menjadi kebimbangan kepada keluarga itu kerana mereka ini masih lagi dalam umur-umur yang belum dapat lagi berpisah secara langsung dengan keluarga itu. Dikhuatiri mengenai dengan dari segi sosial dan sebagainya.

Cadangan keluarga-keluarga itu kalau dapat supaya akan ada tingkatan 3 di Daerah Belait sebab 17 tahun. Ertinya, sudah macam remaja ataupun satu lagi, kalau boleh secara *online* yang tingkatan 3 itu, di Daerah Belait jadi dapat mengikuti. Mohonlah sesuatu yang dapat dicerahkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama. Barangkali, itu saja yang dapat kaola hadapkan dalam perbahasan ini.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.
Terima Kasih. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin. Kaola, Yang Berhormat Pengerusi memahami ada 3 perkara yang dibangkitkan iaitu:

- i. Mengenai perlu ada jawatan bagi masjid terutama sekali bagi menggantikan orang sudah berumur;
- ii. Mengenai Penggapai iaitu penyempurnaan jenazah wanita; dan
- iii. Berhubung dengan penubuhan Peringkat Sekolah Arab yang sudah lama berapa tahun lamanya di sana 17 tahun belumlah meningkat sampai kepada menengah yang diharapkan.

Perrtama, Mengenai jawatan-jawatan di masjid-masjid seluruh negara dari masa ke semasa dan setahun ke setahun ada peningkatan dan tambahan-tambahan jawatan tersebut. Misalnya pada tahun lepas (2021) ada seramai 41 jawatan yang telah dipenuhi meliputi jawatan Imam Tingkat I, II, III dan IV dan Bilal Tingkat I. Berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di sana, dipercayai ada Bilal yang sudah berumur patut digantikan.

Jadi memang sedemikian, tapi belum sampai barangkali dapat diberikan keutamaan di sana, kerana yang berkenaan itu walaupun sudah berumur masih melakukannya. Dalam masa yang sama juga bagi kelaziman mana-mana masjid akan menyediakan pelapis-pelapis. Kalau pun bilal itu bilal yang berjawatan yang belum ada

penggantinya secara berjawatan *established post*, maka pelapis-pelapisnya boleh dilantik oleh jemaah masjid itu sendiri. Dan disokong untuk mendapatkan elaun-eluan khas bagi pelapis-pelapis. Ini tidak ada masalah, walaubagaimanapun ان شاء الله kementerian akan meminta Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk melihat perkara ini. ان شاء الله Yang Berhormat.

Kedua, mengenai Penggapai. Penggapai ini mesti kita ketahui pada tahun 60-an dahulu, Jabatan Hal Ehwal Ugama yang lama memang mengadakan *post* ini. Jawatan itu jawatan kerajaan. Walaupun pada masa itu hanya sangat terhad orang-orang yang dilantik dan berterusanlah jawatan itu sampai sekarang. Tapi kita mesti mengambil kira, jawatan tersebut, tugas tersebut sudah boleh dilakukan oleh orang ramai, kumpulan-kumpulan seperti yang dinyatakan. Tadi ada muslimah di sana sudah diberikan kursus-kursus dan mereka mengendalikannya. Cuma ada kejadian insiden sedemikian ataupun ego barangkali yang berkenaan itu menimbulkan semacam dan sepatutnya perkara itu tidak berbangkit. Mana yang sudah dikursus memang layak dan bukan saja muslimah bahkan di kalangan belia-belia jemaah masjid, sudah boleh melakukan tugas bukan saja Penggapai bahkan juga bagi belia, bagi jenazah laki-laki disempurnakan oleh bukan daripada orang-orang Penggapai. Selain daripada iman-iman, guru-guru agama terdiri juga daripada orang ramai.

Di sana kita mesti melihat, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ada kita rasa bersyukur ke hadrat

الله سبحانه وتعالى berkat pelajaran agama yang diajarkan sebegitu sistematik. Tahun 60-an membawa kepada 70-an, 80-an dan sampai sekarang ini.

Kita sudah melahirkan orang-orang yang sudah beragama termasuklah orang yang bersedia berkhidmat secara sukarela untuk melakukan kerja-kerja penyempurnaan jenazah dan tidak ketinggalan dikalangan wanita iaitu muslimah masjid. Muslimah masjid sangat berperanan, Kementerian Agama sangat menghargakan kegiatan muslimah masjid ini diseluruh negara. Mereka sangat berperanan untuk kegiatan-kegiatan masjid bagi masjid-masjid di tadahan-tadahan mereka. Ada yang sampai kegiatan yang sangat teratur dan sungguh dihargai.

Jadi, hal sedemikian janganlah kita berharap saja kepada jawatan Peggapai itu saja. Pada masa ini sudah ada kursus-kursus yang dilakukan oleh masjid-masjid bagi melatih ataupun menubuhkan kumpulan-kumpulan Peggapai bagi wanita dan kumpulan-kumpulan jenazah bagi jenazah lelaki.

Ketiga, Penubuhan Sekolah Arab betul sudah 17 tahun dan perlu ditingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat khasnya bangunan Sekolah Arab yang ada pada masa ini di Daerah Belait dalam rancangan untuk dibesarkan. Jadi mudah-mudahan dalam rancangan tersebut akan termasuklah juga untuk meningkatkan taraf pembelajaran di sana.

Memang diketahui sulit bagi ibu bapa untuk melepaskan anak-anaknya dalam umur yang rendah, pindah paling dekat, pindah ke Tutong, masih jua rindu-rinduan juga anak yang masih berumur rendah sedemikian. Jadi memanglah dipertimbangkan. Mudah-Mudahan kalau rancangan pembesaran itu, pembesaran sekolah tersebut dapat dilaksanakan dan akan mengambilkira juga keperluan untuk peningkatan sampai ke tingkatan menengah yang dihajatkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terus saja kepada isu ajaran sesat dan maklumat berunsur fitnah yang boleh didapati di media massa sekarang ini boleh diakses dengan mudah. Seperti yang yang kita maklum baru-baru ini tersebar agama baharu yang tersebut fahaman Palun dan ajaran Eiwan Ehas, yang berkemungkinan boleh merosakkan akidah terutama pada belia.

Sehubungan dengan itu juga, kaola difahamkan terdapat satu ruang media sosial bernama reddit di dalamnya sering disebut Kementerian Hal Ehwal Agama dengan pelbagai komen negatif bahkan ada yang berunsur fitnah semata-mata.

Soalan kaola, adakah terdapat usaha atau inisiatif untuk memperbaiki persepsi pengguna berkenaan dan sejauh manakah pandangan-pandangan berkenaan mempengaruhi golongan belia khususnya yang beragama Islam yang aktif menggunakan media sosial. Dan sejauh manakah pandangan-pandangan berkenaan telah mempengaruhi golongan belia terutama yang beragama Islam yang aktif menggunakannya dan kaola jua berpandangan, pihak menggunakannya dan kaola juga berpandangan pihak yang berkenaan supaya mewujudkan laman sesawang peranti media sosial dan proaktif menangani isu semasa bercorak keagamaan yang melibatkan pelbagai agensi berkenaan secara bersepadu sebagai wadah atau platform khusus mengelilingi perkara berkaitan agama dan umat Islam di negara ini selain dari menjadi sumber rasmi yang menyediakan atau mengongsikan saluran maklumat yang tepat, untuk dijadikan sumber rujukan orang awam bagi memperbaiki persepsi seumpamanya.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Memang media sosial ini banyak perkara-perkara maklumat yang tersebar sama ada yang disebut oleh Yang Berhormat tadi akan maklumat fitnah atau maklumat yang tidak benar ataupun maklumat yang benar tetapi berlawanan dengan apa yang kitani percayai kalau dalam bidang

agama, keyakinan dan akidah kitani. Tapi maklumat itu tersebar melalui media sosial, memang benar ada, tinggal lagi macam mana untuk mengatasinya. Mengatasinya itu ialah pertama sekali kita mestilah meningkatkan kesedaran keagamaan kitani.

Kalau dari segi media sosial, Pusat Da'wah sangat aktif dalam perkara ini, setelah mereka menggunakan media sosial tetapi tidaklah secara khusus untuk melawan hal-hal sedemikian. Tetapi dakwah ertinya membimbing ke arah yang benar. Jadi perkara-perkara yang sedemikian misalnya ada perkara yang negatif, mencera dan sebagainya itu terserlah kepadanya. Mana-mana perkara-perkara yang negatif itu membawa kepada celaan institusi agama ataupun orang agama, ada terdapat undang-undangnya yang boleh menangannya.

Jadi kitani hendaklah tidak terburu-buru untuk terjun khusus untuk menangani hal-hal sedemikian kerana kitani harus menerima hakikat bahawa sebagaimana juga dalam *boardcasting* kitani mengatakan *open-sky*. Brunei satu-satunya negara yang kecil tetapi mengadakan dasar *open sky* sedemikian. Memang kitani tidak dapat menahannya, mungkin *channel-channel* tertentu tetapi ada *receiver* yang berjual yang boleh mencapai kepada, kalau di Asia Tenggara ini seluruh kepada ke atas utara dan ke mana, bahkan sampai lebih ke Timur Tengah, bahkan ke Eropah dan sebagainya dengan *receiver* sahaja yang hanya berharga tidak sampai \$200 atau \$300.

Jadi tinggal lagi kitani ialah mendidik, pendidikan kitani ada untuk membimbing orang ramai jangan sampai terpengaruh, itu sahaja yang kitani dapat berikan. Jadi, memanglah mudah untuk kitani mengatakan lawan tetapi lawan ini sejauh mana akan berkesudahan. Kitani ada undang-undang kalau sampai kepada had yang melanggar undang-undang maka undang-undang yang boleh kitani pergunakan. Tetapi dari segi perang saraf, perang saraf bukan dari segi keselamatan yang ancaman dari segi politik, yang mengancam keselamatan tetapi perang saraf dari segi ideologi mengenai ugama dan sebagainya, kitani lakukanlah dengan cara yang bijak.

Pusat Da'wah, Kementerian Hal Ehwal Ugama sangat mengambil perhatian dan bergerak ke arah ini dan akan meningkatkannya dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sarankan penggunaan peruntukan pembinaan masjid seharusnya memikirkan keperluan-keperluan pengguna. Beberapa masjid termasuklah masjid-masjid utama tidak mengambil kira akan laluan ke tandas wanita ataupun tempat mengambil air wuduk adalah terbuka dan boleh menyukarkan kaum wanita untuk menutup aurat dengan sempurna apabila di masjid.

Ramai wanita yang bekerja juga perlu ke masjid memandangkan tempat kerja tidak menyediakan ruang solat ataupun tidak terdapat surau. Bukan sahaja pengguna wanita, pengguna yang berkelainan upaya dan berumur juga sukar untuk bergerak. Reka bentuk haruslah lebih kepada praktikal bukannya sekadar cantik dari luar. Pembaikan kerosakan juga haruslah dibuat dengan segera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari kerana sangat peka dengan keperluan wanita, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**.

Masjid memanglah ada memang didapati sedemikian masjid yang lama-lama, yang sudah di *design* sedemikian dan didapati, laluan untuk bagi wanita di lalui untuk di luar kawasan yang laluan masuk itu adalah bagi lelaki dan sebagainya dan ini kurang selesa. Tapi untuk masjid-masjid yang baharu, hal-hal macam ini telahpun diambil kira. Ertinya masjid baharu akan dibuat bukan pengawalan dalam erti kata *design* itu sendiri mengawal pergerakan jemaah-jemaah wanita untuk wanita dan lelaki untuk lelaki. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** mudah-mudahan akan berjaya lagi dan akan dilihat.

Mengenai kepekaan Kementerian Hal Ehwal Ugama terhadap keperluan orang yang kurang upaya. Pada tahun lepas sudah dibangkitkan perkara ini dan diucapkan terima kasih. Hasil dari saranan dan cadangan daripada Majlis ini juga, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah

berjaya memperbaiki atau menambah kemudahan-kemudahan itu. Misalnya, saya ada angka diberikan di sini, kalau di Daerah Brunei-Muara sahaja, laluan kerusi roda sudah ada 37 buah masjid yang sedemikian, Daerah Tutong ada 7 buah masjid, Daerah Belait ada 2 dan di Daerah Temburong ada 1 buah masjid, kesemua jumlah ini ada 47 buah masjid. Ini dibelanjai selain daripada peruntukan pemeliharaan ialah juga banyaknya datang daripada orang ramai dan inilah namanya juga sebahagian daripada sedekah dan wakaf.

Penggunaan tandas khas, bagi orang yang kurang upaya pun juga telah diadakan di Daerah Brunei Muara ada 25 buah masjid, di Daerah Tutong ada 4 buah masjid, di Daerah Kuala Belait dan Daerah Temburong belum ada dan pada keseluruhannya ada 29 buah masjid diadakan sedemikian, keperluan untuk tandas.

Mengenai dengan letak kereta. Letak kereta ini masjid-masjid yang lama dahulu dengan wakaf tanah orang ramai, jadi didirikanlah masjid. Jadi bila terdiri masjid, tidak cukup tetapi pada masa itu cukup untuk letak kereta tetapi pada masa ini tidak mencukupi. Jadi, terpaksa juga untuk memikirkan orang-orang yang kurang upaya macam mana.

Jadi dalam keadaan itu, kalau masjid-masjid baharu pada masa ini tidak menjadi masalah, ini masjid-masjid lama. Daerah Brunei Muara telah pun mengadakan letak kereta khas iaitu sebanyak 16 buah masjid, Daerah

Tutong ada 2 buah, di Daerah Kuala Belait dan Daerah Temburong tidak ada, tapi 18 buah masjid sudah ada digunakan.

Jadi ini nampaknya, kepekaan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari itu sangat dipuji. Keperluan wantia itu satu perkara dan keperluan orang OKU satu perkara dan perkara-perkara ini sudah diambil tindakan dari semasa ke semasa. ان شاء الله sesuai dengan keadaan peruntukan dan sesuai dengan kepimpinan masjid di sesebuah masjid itu peka untuk berikhtiar. Sementara belum ada peruntukan atau peruntukan memang tidak akan diberi untuk perkara itu khusus, mereka berusaha untuk mendapatkan orang yang berwakaf atau menderma secara sedekah bagi keperluan-keperluan yang sedemikian. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang terakhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola ingin memberi pandangan dan cadangan iaitu mengenai dengan masjid mesra dengan digital. Di dalam menghadapi perubahan era digital dan suasana norma baharu ketika ini, sudah sewajarnya masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam melangkah ke hadapan dengan menggunakan sistem digital sebagai keperluan ke arah

kemajuan dan perkembangan. Pengurusan aktiviti-aktiviti yang berdaya maju. Dengan ini, masjid-masjid tidak lagi terpinggir daripada arus perubahan teknologi yang sentiasa berkembang melalui konsep Masjid Mesra Digital. Konsep ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan dengan kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan bagi mencari kaedah yang sesuai ke arah Masjid Mesra Digital. Antaranya, membekalkan masjid-masjid dengan kemudahan teknologi digital dan ICT.

Meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangan masjid dengan digital dan ICT melalui latihan-latihan amali yang bersesuaian; dan

Mempelbagaikan aktiviti masjid sebagai tambahan melalui kaedah digital terutama sekali dalam situasi wabak *COVID-19* dan sebagainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Umarali.

Mengenai soalan Masjid Mesra Digital ini lagi, sangat menggembirakan kitani. Dalam kurnia titah perkenan pembukaan masjid sebelum ini, ada menyebut mengenai digital ini dan kitani ke arah kesedaran yang sedemikian itu sangat dialu-alukan.

Mengenai di masjid-masjid, setahun atau dua tahun yang lalu, sudah ada dibangkitkan dalam dewan ini dan sebahagiannya dapat dipenuhi oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid umpamanya, sudah ada *screen* melalui digital ini bagi memaparkan waktu-waktu sembahyang. Ada sebahagian masjid sudah dapat menyiarkan ringkasan khutbah semuanya dan ada lagi masjid yang berusaha untuk menterjemahkan khutbah itu ke dalam bahasa lain, iaitu bagi kawasan-kawasan yang memerlukan yang tidak memahami bahasa Melayu. Semua ini sudah ada tanda-tanda ke arah digital itu Yang Berhormat.

Bagi kerajaan untuk membekalkan bahan-bahan itu, terpulang kepada keupayaan *budgetary* kitani ke arah itu. Tetapi yang mesti diingat jua pada masa ini, ada orang yang sudah bersedekah ataupun menderma dan menyumbang bagi kepentingan masjid-masjid ini yang sangat-sangat dialu-alukan. Kerajaan sangat mengalu-alukan, dan Kementerian Hal Ehwal Ugama juga mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk melengkapkan keperluan-keperluan di masjid yang dalam perkara ini adalah perkara digital.

Bagi meningkatkan keupayaan itu, memang sangat perlu dan betul. Kerana semasa wabak *COVID-19* ini, pergerakan dan pembelajaran dalam masjid adalah terhad. Ternyata beberapa buah masjid tidak mempunyai keupayaan dari segi kemahiran penggunaannya dalam perkara ini, yang perlu diatasi jua.

Walau bagaimanapun, kalau dilihat kepada acara-acara seperti Malam Munajat yang diadakan setiap hari Sabtu (malam Minggu), ada penyertaan tidak kurang 50 buah masjid dan di sana sudah ada menunjukkan keupayaan digital itu.

الله ان شاء الله boleh lagi ditingkatkan dan bagi yang tidak mempunyai keupayaan itu, ada yang menggalakkan, bukan daripada pegawai masjid *established post*, tetapi daripada sukarelawan-sukarelawan dari Jemaah Takmir. Terutama sekali daripada kalangan belia di tadahan masjid yang berkenaan yang tampil untuk memberikan sumbangan dan khidmatnya kepada keperluan-keperluan masjid seperti ini.

Jadi, mempergunakan digital untuk aktiviti masjid, الله ان شاء الله kitani sudah memulakan dan sedang dalam perjalanan yang baik dan akan diteruskan sesuai dengan keperluan-keperluan yang memang kitani fikirkan sesuai selama mana tidak mengganggu ketenteraman ataupun hal-ehwal ibadat yang *fundamental* bagi sesebuah masjid. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah bagi kita membahaskan Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini, dan saya sekarang ingin bertanya, bagi ahli-ahli yang bersetuju bagi Tajuk ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A – Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang mesyuarat Jawatankuasa beralih untuk meneliti Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum tajuk-tajuk kecil ini dibuka untuk dibahaskan, maka saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjelaskan tentang penyediaan Belanjawan bagi Kementerian berkenaan. الحمد لله، Yang Berhormat Menteri Pembangunan berada bersama kita dalam Dewan ini, maka saya persilakan Yang Berhormat memberikan mukadimahnyanya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola dengan penuh hormat dan takzim, sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 berjumlah \$334.8 juta yang disenaraikan seperti berikut:

1. \$115.9 juta untuk Gaji Kakitangan;
2. \$107.2 juta untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang; dan
3. \$111.7 juta bagi Projek-Projek di bawah RKN Ke-11, yang sedang dan akan dilaksanakan.

Fokus Kementerian Pembangunan tahun 2022/2023. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini, Kementerian Pembangunan akan terus komited dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ke arah pembangunan sosioekonomi negara termasuk penyediaan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kementerian Pembangunan akan meneruskan beberapa inisiatif-inisiatif sesuai dengan peranan di dalam penyediaan persekitaran terbina (*build environment*) dan berdaya huni (*live able*) dengan memberi penekanan serta

keutamaan kepada perkara-perkara yang strategik seperti berikut:

1. Penambahbaikan lagi penyelarasan di antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan;
2. Pembangunan perumahan awam di Rancangan Perumahan Negara;
3. Menjamin sekuriti air negara dan bekalan air yang bersih dan berterusan;
4. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang berdaya tahan dan resilien termasuk meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastuktur bagi mitigasi bencana dan banjir;
5. Membukakan tanah-tanah kerajaan yang berpotensi bagi tujuan pelaburan pembangunan bercampur (*mixed development*); dan
6. Mendukung strategi-strategi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Inisiatif-inisiatif ini juga adalah mendukung tema Belanjawan tahun ini, "Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien, yang akan dilaksanakan melalui peruntukan yang disediakan dengan mengambil perbelanjaan secara berhemah dan mengikut keutamaan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan.

Perumahan negara yang mampan.

Bagi penyediaan perumahan negara yang mampan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, kementerian akan terus melaksanakan Perancangan Pembinaan Skim Perumahan Negara untuk rakyat yang memerlukan rumah sama ada melalui Rancangan Kemajuan Negara atau mencari kaedah-kaedah lain yang difikirkan sesuai bagi pengurangan penggantungan sepenuhnya kepada perbelanjaan kerajaan.

Dalam RKN Ke-11 dengan Harga Rancangan berjumlah \$250 juta, sejumlah \$38.8 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan beberapa projek perumahan seperti berikut:-

1. Projek RPN Kampung Lugu sebanyak 1000 buah rumah teres sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam awal tahun 2023;
2. Projek RPN Kampung Tanah Jambu sebanyak 750 buah rumah akan dibina dan pembinaannya akan bermula pada pertengahan tahun ini. Sementara itu 10 blok, 300 unit rumah pangsa H40 di Kampung Lambak, setakat ini 245 unit sudah didiami dan selebihnya akan diisikan dalam sedikit masa lagi.

Di samping itu juga, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus menerokai alternatif bagi penghasilan perumahan yang lebih berdaya tahan termasuk kaedah *Public Private Partnership* (PPP) atau melalui kaedah Skim Pemaju Perumahan dengan

menyediakan tapak-tapak tanah yang berpotensi untuk dimajukan. ان شاء الله, mana-mana kaedah yang *viable* akan dipertimbangkan bagi pelaksanaannya apabila proses-proses tertentu siap dikemaskinikan.

Penyediaan Infrastruktur. Jabatan Kerja Raya dipertanggungjawabkan bagi menyediakan pasarana dalam melaksanakan pelan perancangan pembangunan infrastruktur, kemudahan awam yang berdaya tahan dan *resilien* seperti jalan-jalan raya termasuk sistem saliran dan pembedahan serta pembekalan air yang teratur, *reliable* dan mencukupi.

Begitu juga dengan kerja-kerja penambahbaikan ke atas aset-aset infrastruktur seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di Musim Permesyuaratan tahun lalu. Jabatan Kerja Raya sedang mengatur beberapa pelan dan kerja-kerja penyelenggaraannya mengikut keutamaan yang akan dijalankan dalam tahun kewangan ini.

Perkhidmatan Air.

Mengenai perkhidmatan air pula, Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya dipertanggungjawabkan untuk mengurus bekalan air bersih di seluruh negara.

Izinkan kaola sedikit masa untuk menjelaskan mengenai masalah gangguan tekanan air rendah dan kualiti warna air bersih yang tidak memuaskan yang berlaku sejak kebelakangan ini di beberapa tempat dan kawasan terutama sekali di Daerah Brunei dan Muara, dan juga usaha-usaha yang telah

dan akan dibuat bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi menjamin bekalan air bersih yang berterusan di negara ini.

Kementerian ini memang menyedari masalah gangguan bekalan air yang sering terjadi ini dan amat menyesali di atas permasalahan yang dihadapi dan ingin mengesyorkan kepada orang ramai bahawa pihak kerajaan sedang akan tetap terus berusaha bagi menangani isu yang penting ini dengan seberapa segera.

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, kualiti air mentah (*raw water*) di Sungai Tutong, sejak beberapa tahun ini tidak konsisten dan kerap kali berubah menjadi warna kehitaman. Mengikut penyiasatan dan pemantauan Jabatan Perkhidmatan Air, perubahan kualiti air mentah berpunca daripada hujan berpanjangan akibat perubahan iklim yang tidak menentu menyebabkan banyak bahan organik dan tanah mengalir ke hilir sungai melalui aliran permukaan tanah iaitu *surface runoff*. Kandungan mineral ini menjadi semakin bertambah dengan adanya kemajuan tanah yang terdapat dalam kawasan tadahan air. Situasi ini memang sudah dijangkakan dan pengawalan serta pemantauan yang rapi sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya pada masa ini.

Keadaan kualiti air mentah yang mengandungi bahan organik yang berlebihan ini menyebabkan tangki-tangki penjernihan dan penapisan di Loji Penapisan air sering tersumbat atau pun

clogging dan perlu di*flush* setiap kali. Proses *flushing* yang dibuat berulang kali ini mengakibatkan jumlah pengeluaran air berkurangan dari yang biasa. Ianya juga memerlukan rawatan yang intensif dari biasa. Kekurangan pengeluaran air dari loji-loji penapisan air ini telah menjejaskan bekalan di beberapa kawasan yang berada di penghujung sistem bekalan air seperti Kampung Lumapas, Perpindahan Lambak Kanan dan juga Kampung Subok dan sekitarnya.

Usaha-usaha bagi mengatasi isu ini telah pun dilaksanakan sebelumnya oleh Jabatan Kerja Raya dengan membaiki peralatan ke atas aset pembekalan air yang terdapat di Loji Rawatan Bukit Barun. Tetapi masalah yang sama masih juga berterusan yang mana dapat dirumuskan bahawa loji tersebut yang sudah berusia lebih daripada 30 tahun tidak berkeupayaan untuk membersihkan keadaan air mentah yang mengandungi bahan organik yang tinggi dengan baik dan sempurna dan perlu di*upgrade*.

Untuk jangka sederhana, kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Barun sedang dilaksanakan pada masa ini. Kerja-kerja membaiki pulih Loji Rawatan Air Peringkat 4 dan 5 Bukit Barun, iaitu Fasa 1 telah siap dilaksanakan dan dapat meningkatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 15% bergantung kepada keadaan air mentah. Manakala 2, masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada hujung tahun ini dan akan meningkatkan kuantiti dan

kualiti air yang lebih tinggi dan memuaskan.

Bagi perancangan jangka panjang pula, Jabatan Kerja Raya telah menyegerakan projek pembinaan tambahan kepada Loji Penapisan Air Bukit Barun Peringkat 8 yang diperuntukkan di bawah RKN Ke-11 dengan Harga Rancangan sejumlah \$92.0 juta. Loji ini akan direka bentuk khusus untuk membolehkan merawat keadaan air keruh akibat dari bahan organik yang tinggi dari Sungai Tutong dengan efisien dan sempurna. Projek ini mendukung strategi *water efficiency* dan kerja-kerja infrastruktur tanah dan bangunan telah bermula dan ان شاء الله dijangka akan siap pada tahun 2025 nanti. Ianya akan memberi impak positif ke atas bekalan air serta akan menjamin kualiti air bersih yang baik dan berterusan.

Dalam pada itu, Jabatan Kerja Raya terus giat melaksanakan beberapa inisiatif dengan menumpukan keutamaan kepada penduduk-penduduk kampung yang kerap terjejas seperti di Kampung Lumapas dan sekitarnya. Antaranya membaiki dan mengoperasikan semua tangki air Lumapas yang mengalami kerosakan dan perlu pembaikan dengan segera terutama sekali pembaikan kepada paip-paip air yang terjejas akibat tanah runtuh yang akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini, di mtempat-tempat yang dulu sering terjejas bekalan air telah menunjukkan hasil yang memuaskan. Seperti di kawasan Lambak

Kanan dan sekitarnya, kerana bekalan air pada masa ini sudah pun stabil. Begitu juga di kawasan RPN Meragang dengan kesiapan dan bermulanya operasi rangkaian *coastal pipeline* dan Tangki Air Terunjing pada tahun 2017. Bekalan air bagi Kawasan RPN Meragang dan Tanah Jambu telah meningkat dan masalah gangguan bekalan air berkurangan.

Begitu juga dengan kawasan Kampung Subuk dan sekitarnya, Jabatan Kerja Raya dalam sedikit masa lagi akan memulakan kerja-kerja pemasangan paip alternatif untuk *support* kawasan berkenaan dan termasuklah pembinaan beberapa buah tangki-tangki simpanan air yang akan memberi jaminan bekalan air yang berterusan kepada orang ramai.

Inilah antara lain usaha-usaha jangka pendek, sederhana dan panjang yang telah dan sedang dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan bekalan air yang sering dihadapi pada masa ini.

Di samping itu juga, kerja-kerja pemantauan tekanan air rendah (*pressure monitoring*) melalui pemasangan *flowmeter* sentiasa dibuat, termasuklah membaiki dan mengganti paip-paip lama yang menyebabkan kebocoran, kerja-kerja *flushing* untuk membersihkan dan membuang kotoran dari paip dan tangki-tangki simpanan air, mengganti pam-pam air serta memantau paras air di tangki-tangki utama dan menjalankan operasi penyatuan air di beberapa tangki lain pada waktu malam. Semua ini adalah bagi memastikan bekalan air dapat dibekalkan kepada orang ramai secara berterusan.

Pemantauan yang rapi juga sentiasa dibuat dan maklumat-maklumat mengenai status sistem bekalan air, keadaan sumber air di Sungai Tutong, paras tangki simpanan air dan lain-lain lagi dilakukan sebanyak tiga kali sehari sebagai indikator jika terdapat sebarang masalah mengenai bekalan air supaya tindakan-tindakan awal dapat dibuat.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, menurut laporan pemantauan yang diterima sejak akhir-akhir ini, keadaan kualiti air Sungai Tutong beransur baik dan loji di Bukit Barun telah dapat meningkatkan semula pengeluarannya seperti biasa. Mudah-mudahan sajalah keadaan seperti ini akan terus berpanjangan.

Orang ramai juga sentiasa diberi maklumat mengenai gangguan air dari masa ke semasa melalui media massa. Orang ramai diseru supaya tidak membiarkan mana-mana kebocoran paip-paip air di kawasan persekitaran rumah dan menyegerakan kerja-kerja pembaikannya. Diharapkan orang ramai akan sentiasa bersabar dalam menghadapi semua ini dan sentiasa memberikan kerjasama bagi membantu pihak kerajaan dengan mengurangkan penggunaan air dan elakkan dari pembaziran bagi kesejahteraan bersama.

Bagi memastikan sekuriti air negara ini terjamin, Kementerian Pembangunan juga telah menyediakan satu rangka kerja *Strategy "Framework"* melalui *Brunei Darussalam Towards Water Security 2021/2035* yang menjelaskan strategi dan perancangan dalam pembekalan air bersih dan berterusan dalam jangka panjang dan untuk

memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. *Strategy Framework*, ini bukan sahaja akan dijadikan sebagai peta jalan dalam perancangan dan tindakan seterusnya, malahan juga boleh diguna pakai oleh pengusaha-pengusaha dalam dan luar negeri sebagai rujukan dan panduan dalam merancang strategi pelaburan masa hadapan mengenai dengan bekalan air di negara ini.

Secara *whole of government* pula, sebuah Jawatankuasa Tertinggi Penstrukturan Sektor Air (JTSPA) yang melibatkan beberapa menteri-menteri yang berkenaan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2021 bagi *review* dan meneliti secara holistik mengenai sistem perbekalan air negara termasuk dari segi *institutional, governance, finance* dan *technical* dan isu-isu *political* serta meneliti infrastruktur dan aset-aset air yang ada pada masa ini. Jawatankuasa Tertinggi ini juga akan meneliti dalam jangka panjang aspek-aspek pengurusan dan penjagaan sumber air negara bukan sahaja untuk bekalan air awam tapi juga untuk kegunaan industri dan pertanian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mitigasi banjir. Mengenai mitigasi banjir pula dalam kita menghadapi keadaan suasana yang tidak menentu dan turunan hujan yang tinggi, kenaikan paras air laut serta topografi kawasan yang rendah yang menyumbang kepada kejadian banjir di beberapa tempat di negara kita. Pihak kementerian melalui Jabatan Saliran dan Pembedungan akan sentiasa berusaha secara berterusan

dengan mengambil langkah-langkah dan strategi secara lebih holistik dalam memperbaiki dan menyediakan sistem saluran yang mampan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, dengan adanya pelaksanaan projek pencegahan banjir di kawasan dataran Sungai Tutong, iaitu pencegahan banjir di sebelah hulu Sungai Tutong dan pencecahan banjir di sebelah hilir Sungai Tutong telah berhasil dalam mengurangkan kejadian banjir seluas 4km persegi terutamanya di Kawasan seperti Kampung Tanjong Maya, Kampung Lubok Pulau, Kampung Sebakit, Kampung Penapar, Kampung Ukong, Kampung Rambai dan Kampung Panchong yang seringkali mengalami banjir terutamanya musim tengkujuh.

Sejak projek-projek tersebut siap, kawasan-kawasan mudah banjir tersebut tidak lagi mengalami banjir berdasarkan rekod, pemantauan jabatan serta maklum balas positif yang diperolehi daripada kaji selidik jabatan terhadap penduduk-penduduk yang terlibat.

Manakala projek pembinaan tiga buah kolam penahanan banjir di Sungai Pemasang, Sungai Tanjong Maya dan juga Sungai Bang Ligi sedang giat dilaksanakan dan ianya akan dapat membantu mengurangkan impak banjir di beberapa tempat seperti di sebahagian Kampung Nibung, Kampung Penulud, Kampung Bukit Udal, Kampung Liulun, Kampung Nyanyag, Kampung Banguggos, Kampung Pemasang, Kampung Sungai Damit Pemasang dan Kampung Bukit. Penyiapan projek ini,

diharap dapat mengurangkan Kawasan banjir seluas 30 kilometer persegi.

Manakala itu, projek-projek pembaikan saluran di kawasan mudah banjir seperti kawasan Masjid Setia Ali Pekan Muara, di simpang lampu isyarat Jalan Muara Kampung Salar, Jalan Tanjung Bunut Kanan, Kampung Tanjung Bunut dan sebahagian Jalan Gadong, Kampung Jangsak yang siap baru-baru ini telah mengurangkan risiko kejadian banjir di kawasan-kawasan berkenaan.

Dengan penyiapan projek-projek ini dan dengan persediaan awal melaksanakan pembersihan sungai-sungai dan longkang-longkang kejadian banjir yang terjadi adalah di tahap terkawal.

Prasarana jalan raya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya giat melaksanakan kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan membaik pulih kepada lebuh raya, jalan-jalan raya utama, penaiktarafan dan membaik pulih jalan-jalan simpang, jalan-jalan perumahan negara dan STKRJ serta jalan-jalan daerah dan kampung di negara ini.

Ini tidak terkecuali dalam usaha pihak Kementerian Pembangunan menyediakan Pembangunan infrastruktur jalan raya di kawasan-kawasan pedalaman seperti kerja-kerja menaik paras Jalan Melaboi, Kampung Bukit, Daerah Tutong yang merupakan kawasan mudah banjir dan pemeliharaan rutin pembaikan di jalan raya serta menaik taraf beberapa jambatan besi iaitu *bailey bridge* kepada jambatan konkrit.

Di dalam usaha untuk menyediakan sistem perhubungan jalan raya yang selamat dan selesa serta memastikan pergerakan yang efisien di kawasan-kawasan yang berkenaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 ini sejumlah 25 buah simpang-simpang jalan serta empat buah jalan daerah dan kampung telah dapat disiapkan. Program ini, sangat disambut baik oleh penduduk dan rakyat di negara ini, terutama sekali di kampung-kampung dan mukim-mukim pedalaman dan perancangan ini akan diteruskan dalam Rancangan Kemajuan Negara seterusnya nanti.

Di samping itu juga, projek pembinaan *flyover* di persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong dan Rancangan Perumahan Negara telah siap dilaksanakan dan mula dibukakan kepada orang ramai pada 20 Februari yang lalu begitu juga pembinaan jejambat di persimpangan Jalan Utama Mentiri dan Jalan Penghubung Tanah Jambu sedang berjalan pada masa ini.

Kerja-kerja pengurusan dan pemeliharaan jalan raya juga akan sentiasa dikendalikan secara berterusan bagi memastikan sistem jalan raya di negara ini setanding dengan sistem-sistem jalan raya antarabangsa.

Bangunan - bangunan kosong

Menyentuh mengenai dengan bangunan-bangunan kerajaan yang kosong dan terbiar sepertimana yang telah pun dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa titah baginda

Sempena Menyambut Awal Tahun Baru 2022 Masihi, isu mengenai bangunan-bangunan kosong ini harus ditangani secara holistik oleh pihak yang bekepentingan supaya aset-aset berkenaan dapat dimanfaatkan dan sekali gus untuk mengelakkan pembaziran.

Usaha-usaha ke arah ini sedang giat diusahakan bersama kementerian-kementerian yang berkenaan. Pihak kementerian telah membuat penyelarasan dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai aset yang ada di bawah kawalan masing-masing termasuk yang tidak didaftarkan di bawah Jabatan Kerja Raya dan seterusnya untuk mendapatkan status dan perancangan bagi bangunan-bangunan yang terbiar kosong.

Mengikut penelitian yang telah dibuat, terdapat bangunan-bangunan yang kosong yang ada potensi untuk diserahkan pada mana-mana agensi yang memerlukan untuk diguna pakai seperti bekas-bekas Bangunan HSBC, Bangunan Radio dan Televisyen Brunei, Banglo Keselamatan Dalam Negeri dan bekas bangunan TelBru, Jalan Airport Lama dan beberapa bangunan-bangunan lain termasuk flat-flat kediaman bagi pegawai-pegawai kerajaan yang kosong dan terbiar.

Perkara ini, sedang diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal Bangunan dan Aset Kerajaan yang di Pengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan bagi memperbaiki semula atau mengubah suai bangunan-bangunan yang masih dapat digunakan.

Sektor guna tanah dan perancangan. Dalam hala tuju perancangan guna tanah dan kawasan kemajuan di negara ini, serta bagi memastikan perancangan yang dilaksanakan dapat mendukung pembangunan yang mampan dan berdaya tahan. Antara usaha-usaha yang akan dibuat adalah seperti berikut:

- 1) Mengemaskinikan beberapa Garis panduan dan Piawaian Perancangan Seperti Garis panduan Kemajuan Hotel, Garis panduan Perniagaan dan Garis panduan Pertanian di bawah inisiatif Jabatan Perancang, Bandar dan Desa.
- 2) Mengemaskinikan sistem pentadbiran tanah dan memperkenalkan sistem pembayaran atas talian bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan tanah seperti pembayaran cukai, pembayaran pentadbiran dan pendaftaran dengan menggunakan aplikasi *BIBD Payment* bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan Pejabat Tanah.
- 3) *Mereview* semula garis panduan permohonan ambil alih Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bagi yang sudah ada rumah kediaman dan juga pelaksanaan pindaan dasar bagi proses permohonan pindah milik tanah bagi rakyat Brunei.

Dengan adanya pembaharuan dan inisiatif ini, diharap akan dapat mempercepatkan lagi proses permohonan dan pemudah cara orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan bagi membina rumah kediaman dan perniagaan.

Alam Sekitar Yang Mampan.

Di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan sentiasa giat dalam mengusahakan pelaksanaan-pelaksanaan, peraturan-peraturan dan undang-undang serta persyaratan-persyaratan garis panduan dengan meningkatkan usaha-usaha secara *whole of nation approach* dengan penglibatan daripada pelbagai agensi dan orang ramai.

Beberapa inisiatif dan program ke arah mencapai alam sekitar yang mampan telah dilaksanakan pada tahun 2021 melalui tiga (3) Jawatankuasa Induk Kebersihan seperti berikut:-

1. Melaksanakan pindaan ke atas beberapa peruntukan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil atau sekarang dipanggil sebagai Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (*Miscellaneous*) (Penggalaan 30). Sepertimana yang dinyatakan dalam Peringkat Perintah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan), 2021 yang telah dikuatkuasakan mulai 29 Disember 2021, pindaan telah dibuat pada kadar denda dan denda kompaun. Kadar denda kompaun pesalah-pesalah individu dan badan-

badan korporat atas kesalahan pembuangan sampah di tempat-tempat awam telah dinaikkan daripada \$500.00 maksimum kepada \$1,000.00 maksimum bagi individu-individu dan \$2,000.00 maksimum bagi badan-badan korporat.

2. Melaksanakan kempen-kempen kebersihan serta kempen-kempen kesedaran awam dengan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan dan *non-governmental organization (NGOs)* dan orang ramai. Sebanyak 85 kempen kebersihan dan 30 kempen kesedaran alam sekitar telah dilaksanakan pada tahun lepas.
3. Meningkatkan pemantauan (*surveillance*) bagi tempat-tempat *illegal dumping* dengan memasang kamera CCTV di beberapa tempat yang tersembunyi. Sebanyak 10 kes pembuangan sampah yang telah pun dikenal pasti sejak bulan September yang lalu melalui CCTV ini, 6 kes daripadanya masih dalam siasatan.

Sekretariat Majlis Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam. Bagi mendukung dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun 2021, Majlis Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan aktif dalam sama-sama membentuk hala tuju negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim.

Majlis Kebangsaan ini diterajui oleh empat (4) kementerian utama, iaitu Kementerian Pembangunan,

Kementerian Tenaga selaku Pengerusi Bersama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Di antara inisiatif baru yang akan diperkenalkan pada tahun ini ialah:

- Pelancaran Protokol Hijau (F&B) bagi perkhidmatan kantin dan penyediaan makanan.;
- Membangun rangka kerja institusi bagi pasaran karbon domestik (*domestic carbon trading*).;
- Meneroka pelaksanaan harga karbon (*carbon pricing*).

Penglibatan belia dalam agenda perubahan iklim juga adalah penting, kerana mereka merupakan sebahagian daripada penyelesaiannya. Sebagai salah satu inisiatif negara selaku Pengerusi ASEAN tahun lepas, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama *ASEAN Youth Advocates Network Brunei Darussalam* telah menganjurkan dialog belia ASEAN mengenai tindakan-tindakan iklim pada bulan Oktober 2021 yang salah satu *deliverables*nya ialah "*Bandar Seri Begawan Declaration on Youth Climate Action*".

Di samping itu, salah satu usaha yang akan menjadi tumpuan pada tahun 2022 ini adalah pembentukan Pusat Perubahan Iklim ASEAN, iaitu *ASEAN Climate Change Centre (ACCC)* yang kepakaran-kepakaran dan aktiviti-aktiviti berkaitan perubahan iklim serantau akan berpusat di Negara Brunei Darussalam. Selaku tuan rumah kepada pusat ini, Negara Brunei Darussalam akan menjadi

tumpuan pakar-pakar perubahan iklim serantau dan juga antarabangsa nanti.

Industri pembinaan. Di dalam usaha merangka perancangan dan pelaksanaan pelan strategik industri pembinaan yang lebih kondusif, kompeten dan berdaya tahan, pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCI*) sedang menyediakan Buku Rangka Kerja Industri Pembinaan 2022-2035 (*Construction Industry Framework 2022-2035*) yang merangkumi keperluan seluruh negara memfokuskan kepada inovasi dan pembangunan kualiti, produktiviti dan kecekapan, urustadbir yang resilien, rakan kongsi strategik dan khususnya ke arah pembangunan perniagaan tempatan (*local business development*) serta pembangunan industri yang berdaya tahan.

Antara usaha yang sudah dilaksanakan dalam memastikan perkembangan perniagaan tempatan tersebut ialah:

- Saringan penilaian pendaftaran bagi permohonan Sijil Pendaftaran Kontraktor menerusi kaedah temuduga. Inisiatif ini adalah sebagai satu langkah dalam membanteras isu berkaitan dengan "Syarikat Alibaba" yang semakin berleluasa pada masa ini.
- Memperkenalkan beberapa program pemangkin *Local Business Development (LBD)* seperti program i-Usahawan dan Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan (ACIP) yang dijangkakan akan dilaksanakan secara berperingkat.

- Mengeluarkan garis panduan langkah-langkah kawalan *COVID-19* bagi industri pembinaan untuk memastikan kerja-kerja pembangunan masih dapat diteruskan seperti biasa di dalam keadaan yang selamat dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Penguatkuasaan. Dari segi tindakan penguatkuasaan, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan yang telah melaksanakan dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan bagi mengawal aktiviti di bawah bidang kuasa masing-masing seperti berikut:-

- Melaksanakan peraturan kompaun di bawah perintah Kawalan Bangunan (*ABCI*);
- Menjalankan Peraturan Kompaun di bawah perintah Perancang Bandar dan Desa pada 1 Ogos 2021.;
- Mengeluarkan surat-surat amaran atau notis kepada pemilik tanah, pemajak tanah, penghuni tanah-tanah TOL yang telah didapati melanggar syarat-syarat dan undang-undang tanah termasuk mereka yang menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran.; dan
- Mengenakan kompaun kes-kes pembuangan sampah di tempat-tempat awam, yang menjadi salah satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Dengan adanya penguatkuasaan ini, Kementerian Pembangunan yakin ianya akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan pematuhan undang-undang pembinaan, perancangan tanah mahupun kebersihan. Ianya bertujuan untuk menjaga keselamatan dalam industri pembinaan, mengurangkan risiko yang menjejaskan keselamatan orang awam dan juga untuk menjaga kebersihan dan pencemaran alam sekitar yang boleh memudaratkan kesihatan awam.

MOD Digital Paradigm. Akhir sekali, dalam mendukung hasrat kerajaan ke arah *digital economy* dan *smart nation*, *MOD Digital Paradigm Framework* 2020-2035 yang telah dilancarkan tahun lepas, berhasrat untuk melarutkan penggunaan teknologi di dalam aspek pentadbiran, pengurusan projek-projek infrastruktur, pemantauan, kumpulan data maklumat secara *integrated* termasuk pemeliharaan aset-aset penyediaan perkhidmatan. Antara projek-projek yang di dalam pelaksanaan pada masa ini termasuklah:

Penggunaan IoT (*Drone, Sensors*) dalam pengurusan projek infrastruktur, pemantauan dan juga pemeliharaan.; dan

Penyediaan *MOD Portal* yang dijangkakan akan *go live* pada bulan Mac ini dan ini membolehkan orang awam memohon perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di Kementerian Pembangunan secara dalam talian.

Sekian sahaja yang dapat kaola kongsi di dewan yang mulia ini. Segala inisiatif dan usaha-usaha yang

dinyatakan tadi, kita niatkan semata-mata kerana الله, tujuan tulus dan ikhlas Kementerian Pembangunan bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di negara ini. Dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan pendekatan *whole of nation* dengan izin الله jua kita akan terus melangkah ke hadapan untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 tercapai. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya kira penerangan daripada Yang Berhormat Menteri itu tadi mengenai dengan hala tuju bagi Kementerian Pembangunan adalah cukup jelas dan komprehensif.

Maka saya sekarang ingin membukakan Tajuk Kementerian Pembangunan ini untuk dibahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya cuma ingin mencadangkan bagi mempersiapkan negara untuk menjadi lebih *pedestrian friendly*. Yang Berhormat Menteri pernah mengongsikan, garis panduan sudah ada untuk *pedestrian* tetapi banyak masih belum diikuti oleh para pemaju-pemaju.

Malah bangunan-bangunan kerajaan sendiri untuk ke bangunan sebelah perlu menggunakan kenderaan kerana ianya kurang selamat, kurang selesa dan berhalangan untuk berjalan kaki.

Ini lebih-lebih lagi mencabar bagi warga emas, orang kelainan upaya, orang mempunyai isu mobiliti seperti bertongkat serta keluarga yang membawa *stroller* untuk kanak-kanak berurusan. Isu cuaca panas atau hujan bukanlah penghalang, di beberapa negara lain perancangan pembangunannya dengan piawaian serta dasar-dasar yang bersesuaian untuk menginsentifkan berjalan kaki dari menggunakan kenderaan.

إن شاء الله, perkara ini dapat mengupayakan lagi pembangunan sosioekonomi kita dengan orang ramai menikmati mobiliti yang lebih baik. Oleh yang demikian, disarankan pihak kementerian untuk memperkenalkan atau meningkatkan penguatkuasaan terhadap panduan-panduan bagi *building connectivity* ini mengikut piawaian-piawaian yang bersesuaian.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Awang Iswandy.

Mengenai dengan *pedestrian walkway*. Walaupun penyediaan cadangan kawasan bagi pejalan kaki tersebut ini memanglah diteliti di peringkat *area best planning scheming* terutama bagi kawasan-kawasan pertumbuhan seperti skim perancangan kawasan Perniagaan

Kampung Jaya Setia dan juga Skim Kawasan Perniagaan Sepadu di Gadong, Kiulap dan Belait.

Dan pada masa ini di peringkat penyelarasan kemajuan pula ada terdapat beberapa piawaian dan garis panduan perancangan tertentu yang perlu dipatuhi dalam mewujudkan persekitaran yang selamat, kondusif terutama sekali dalam menyediakan lebar ruang berjalan yang mencukupi dan *connected*.

Pada masa ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang dalam usaha mengkaji semula garis panduan dan piawaian-piawaian perancangan bagi kemajuan perniagaan.

Ini termasuklah juga mengkaji semula piawaian ruang pejalan kaki atau *pedestrian walkway* di kawasan-kawasan laluan pejalan kaki *interconnectivity* antara bangunan dan juga menggalakkan laluan pejalan kaki yang kondusif, *connective*, selamat dan juga mesra pengguna serta pendekatan optimum bagi penyediaan kawasan-kawasan letak kereta.

Perkara ini memanglah juga untuk keperluan dan juga kepentingan dan keselamatan orang ramai dan usaha-usaha akan diteruskan dan memerlukan usaha serta kolaborasi sepadu di antara pihak-pihak kerajaan dengan pihak swasta. Terutama sekali para pemaju dan pemilik-pemilik tanah dalam sama-sama mengambil kira keperluan yang bersesuaian serta *connected* terutama sekali di Kawasan perniagaan, perumahan dan kawasan-kawasan lain

terutama sekali di kawasan pusat bandar.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Kaola membawa Tajuk SKO3A - Jabatan Kerja Raya.

Apakah hasil sampingan *refinery* minyak mentah kita dapat menghasilkan asphalt (minyak aspal) yang mencukupi bagi penggunaan domestik?

Sekarang syarikat *refinery* Negara Brunei Darussalam juga bertambah sesudah adanya Projek Pulau Muara Besar, Syarikat Hengyi. Apakah syarikat ini juga menyediakan bekalan aspal untuk kegunaan domestik?

Adakah pihak kementerian merancang untuk meningkatkan teknologi penurapan jalan raya yang mempunyai daya serap air untuk mengelakkan takungan air di musim hujan.

Sekian, terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin mengenai dengan penghasilan untuk dijual di pasaran yang telah pun masa ini diproses di Hengyi.

Barang kali pada masa ini, setahu kaola Hengyi belum menghasilkan untuk jualan aspal jalan raya. ان شاء الله akan *suggest* kepada pihak-pihak berkenaan jika ianya bersesuaian dan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah pun mengusahakan teknologi daya serap ataupun *porous asphalt* di negara ini barangkali kalau tidak silap pada tahun 2013 sebelum Persidangan ASEAN Summit ke 23 di Negara Brunei Darussalam.

Jalan-jalan yang telah pun diturap dengan teknologi *stone mastic asphalt* sebenarnya (SMA) ataupun pengurus aspal ini telah pun dilaksanakan di kawasan Lebuh Raya Tungku, jalan-jalan di kawasan pusat bandar dan jalan-jalan Pekan Muara.

Teknologi ini adalah berpandukan kepada piawaian antarabangsa yang mana pihak Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia yang telah membuat projek-projek ini dan ان شاء الله teknologi ini juga akan diteruskan digunakan di negara ini dengan mengambil kira keberkesanannya.

Cuma barang kali satu perkara yang kita perlu teliti bahawa penggunaan aspek *stone mastic asphalt* ini ataupun *porous asphalt* ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan juga *maintenance* yang *proper* kos kerana ia memerlukan satu

drainage system yang komprehensif dan apabila perkara ini tidak terjadi ia juga akan menyebabkan jalan raya akan banjir dan sebagainya.

Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun: Kaola akan menyampaikan satu soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mengambil maklum akan rancangan-rancangan kemajuan yang sedang disediakan oleh Kementerian Pembangunan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 terutamanya dalam aspek penyediaan infrastruktur dan kita juga sedia maklum akan keadaan ekonomi negara pada masa ini sudah setentunya akan terdapat beberapa projek tidak dapat dilaksanakan mengikut masa dan program yang telah diharapkan.

Memandangkan perkara ini berkait rapat dengan Wawasan Brunei 2035, sukacita ingin melepaskan pandangan Yang Berhormat Dato mengenainya.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun. Satu pandangan yang mungkin juga perlu dikongsikan disini mengenai dengan cabaran-cabaran kitani dalam melaksanakan Rancangan Kemajuan

Negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Memang Kementerian Pembangunan beserta dengan kementerian-kementerian lain giat merancang projek-projek pembangunan bagi merancang Rancangan Kemajuan Negara ke-12 nanti yang akan bermula pada 2023.

Rancangan-rancangan kemajuan yang akan disediakan oleh Kementerian Pembangunan adalah seperti yang kaola nyatakan tadi "Mendukung Wawasan 2035" termasuklah bagi rancangan-rancangan RKN seterusnya dari aspek penyediaan infrastruktur dan juga seterusnya dan pelaksanaan projek ini akan diteliti, dinilai dari segi keutamaan, keperluan, prioriti dan juga tertakluk kepada keadaan ekonomi dan fiskal negara kitani.

Untuk menangani masalah ini, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya memang ada melaksanakan beberapa inisiatif seperti pertama melaksanakan projek-projek yang benar-benar perlu sahaja yang dapat menampakkan impak pada orang ramai dan juga memastikan aset-aset yang sedia ada dipelihara beroperasi dengan sebaiknya supaya mengurangkan keperluan bagi penggantian dan juga menerokai keadaan dan juga teknologi baharu bagi meningkatkan lagi produktiviti keberkesanan perkhidmatan dan pelaksanaan projek. Ini termasuklah menggunakan *smart devices*, *IT* dan sebagainya seperti yang kaola nyatakan tadi dalam mukadimah kaola.

Projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut program yang dirancang akan dilaksanakan secara berperingkat dan juga berfasa dengan mengoptimalkan peruntukan yang telah pun disediakan dan untuk makluman projek-projek infrastruktur dan perumahan pada masa ini yang berjalan dengan lancar walaupun tidak dinafikan bahawa projek-projek pembinaan adalah terjejas memandangkan kebanyakan peralatan-peralatan dan barangan yang akan datang daripada luar negeri dan masalah logistik yang *connecting* seluruh dunia telah pun menyebabkan kelambatan penghantaran barangan.

Di samping itu jua masalah pekerja asing terutama sekali disebabkan oleh *COVID-19* pada masa ini turut menjejaskan projek-projek. Dalam hal ini Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama akan cuba sedaya upaya untuk memastikan apa juga kelambatan yang dapat dikurangkan.

ان شاء الله, perkara-perkara ini akan ditangani dengan sebaik-baiknya, ان شاء الله. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera. Kaola akan membawa satu perkara sahaja Yang Berhormat

Pengerusi iaitu mengenai Pembangunan Usahawan Tempatan (LBD).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada menyebutkan *LBD* di dalam mukadimahnyanya tadi. Terima kasih atas usaha-usaha yang telah digariskan dalam menjayakan *LBD*.

Untuk memajukan lagi ke hadapan bagi usaha-usaha kitani ke arah ini, dicadangkan satu unit khas iaitu Unit Pembangunan Usahawan Tempatan akan dapat ditubuhkan di Kementerian Pembangunan untuk lebih fokus dalam menjayakan usaha membangun usahawan tempatan.

Perkara ini telah pun pernah dibuat pada ketika dulu yang ketika itu telah banyak mengeluarkan banyak usahawan-usahawan baharu dan telah berjaya mengendalikan projek-projek yang bernilai berjuta-juta ringgit pada ketika itu.

Sebahai contoh juga yang dibuat oleh Kementerian Tenaga (*Energy*) iaitu penubuhan i-Usahawan juga menunjukkan dalam membangun urusan belia dan telah pun mendapat projek bernilai juta-juta ringgit.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Mengenai dengan satu cadangan untuk

menubuhkan satu unit Pembangunan Usahawan Tempatan. Perkara ini ان شاء الله akan diteliti lagi semula oleh Kementerian Pembangunan, satu cadangan yang baik bagi meningkatkan lagi respons pengusaha-pengusaha tempatan lagi. ان شاء الله.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera. Kaola juga ingin menambah ke atas pertanyaan sama kepada cadangan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, cuba meminta pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan pencapaian *LDB* pada masa ini kerana di dalam Dasar Kerja Kementerian Pembangunan tahapnya untuk dicapai pada Disember 2023.

Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan soalan dari Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii itu perancangan bagi mendukung *Local Business Development (LBD)* negara kitani, jabatan-jabatan yang berkenaan telah membuat inisiatif-inisiatif untuk menaik taraf atau mendukung *LBD* ini.

Bagi statistik yang telah didapati pada masa ini sebanyak 201 syarikat ditemuduga. Temuduga telah pun dijalankan bagi pendaftaran baharu dari syarikat tempatan dan dari jumlah tersebut sebanyak hanya 143 syarikat yang berjaya lulus dalam pendaftaran mengikut kriteria yang telah pun ditetapkan.

Dengan ini pihak *ABCi* seperti yang kaola nyatakan tadi memperkenalkan keperluan bagi setiap pemilik syarikat pemohon baharu bagi menduduki sesi ujian bertulis sebelum diteruskan ke sesi temuduga bagi tambahan kepada tapisan kelayakan dan pemastian keterlibatan pemilik tempatan dalam syarikat adalah yang tulen dan dipercayai.

Pada masa ini, bahagian Kementerian Pembangunan *ABCi*, sedang giat mengadakan inisiatif program bagi mempertingkatkan penggunaan produk-produk bahan pembinaan buatan tempatan dan juga untuk mengadakan pemberigaan atau produk bahan binaan tempatan yang mana di dalam kursus-kursus yang telah pun dilaksanakan sebelum ini.

Di samping itu juga terdapat beberapa *mistake* berkaitan produk bahan binaan buatan tempatan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan seperti penggunaan pintu-pintu lokal-lokal tempatan bagi Projek Kampung Lugu Fasa 2 dan Perumahan Kampung Tanah Jambu Fasa 7 di bawah pengendalian Jabatan Perumahan yang dibekalan oleh syarikat tempatan iaitu *TS*

Work Sendirian Berhad sebagai pembekal tempatan sebanyak 10,000 buah pintu.

Dan secara keseluruhan penglibatan tempatan di dalam semua kelas pendaftaran akan turut di pantau selaras dengan keperluan *LBD Circular* Kementerian Pembangunan. Dan penilaian ini akan di buat melalui *Contractor Scoring Assesement (CSA)*.

Mengenai dengan keperluan pengambilan pekerja-pekerja asing di dalam industri, pembinaan adalah satu cabaran di mana Kementerian Pembangunan pada masa ini berkerjasama dengan Jabatan Buruh dengan pihak *ABCi* dalam mengenal pasti kaedah ataupun cara pemohon pengambilan Lesen Pekerja Asing (LPA), iaitu pembina hendaklah menghadapkan salinan kebenaran memulakan kemajuan Borang 'C' yang telah diluluskan oleh *ABCi* selain berdaftar sebagai pembina.

Selain daripada itu, terdapat juga inisiatif *Foreign Worker Replacement Programme* ke arah usaha untuk menawarkan perkerjaan kepada anak-anak tempatan. Dalam masa yang sama pengawalan keperluan tenaga pekerja asing. Itulah sahaja langkah untuk mengemas kini mengenai dengan usaha-usaha terlibat bagi mendukung *Local Business Development* di negara kitani.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. بسم الله الرحمن الرحيم. Kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang sangat jelas dan komprehensif sebentar tadi.

Dalam Tajuk Kementerian Pembangunan ini kaola bercakap terhadap Tajuk SK07A - Jabatan Ukur dengan jumlah peruntukan BND\$13,442,110.00. Di antara peranan Jabatan Ukur adalah mengumpul dan menyediakan data geografi bagi perancangan dan pembangunan negara. Data-data tersebut termasuklah lot-lot tanah, pemilik tanah, fotografi, tapak-tapak tanah, ganti bawa tanah, ganti tanah dan lain-lain.

Jadi terlalu banyak untuk dikumpulkan dan untuk dipedulikan. Maka kesannya mungkin melambatkan membuat perancangan dan keputusan bagi pembangunan negara terutama dalam pengambilan dan pengumpulan data yang berlapis-lapis dan sudah tentu perkara ini memerlukan kos yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, apakah mekanisme atau usaha terkini agar perkhidmatan pada orang ramai dan setiap permohonan dapat dilaksanakan dengan cepat dan menjimatkan kos pihak kerajaan. Selain itu dalam keadaan terkawal dan selamat dan jika terjadi sesuatu keterlambatan agar orang ramai dapat memahaminya.

Sekian soalan kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai dengan Jabatan Ukur. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** melalui peruntukan RKN Ke-11 iaitu melalui "Projek *Aerial Photograpy, Airborne LiDAR Acquisition and Geospatial Mapping of Brunei Darussalam*" telah pun diluluskan dan dibenarkan.

ان شاء الله ianya akan membantu setiap pihak di dalam pelaksanaan perancangan negara. Data-data geografi ini akan dikongsikan dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan agar dapat sama-sama digunakan bagi tujuan pembangunan negara dan penyelidikan. Selain daripada itu, bagi menggalakkan pihak berkenaan untuk berkongsi sama data-data dan maklumat-maklumat yang ada untuk penggunaan dan kebaikan bersama.

Bagi mekanisme pengawalannya dan usaha yang terkini, melalui Jawatankuasa Keselamatan Peraturan Pengeluaran Peta (JPPP) yang mana dipengerusikan oleh Juruukur Agung dan ahli-ahli yang terdiri daripada beberapa ahli-ahli agensi kerajaan. Jawatankuasa ini mengawal pengeluaran peta dan data digital mengikut panduan keselamatan dan peraturan pembekalan peta dan bahan *imaging* diri. Permohonan data pengawalan perlu mendapatkan kebenaran kepada Juruukur Agung dan jika diberi kebenaran permohonan hendaklah dikehendaki untuk menandatangani borang *OSA 3 Official Secret Act*.

Dalam pengumpulan data-data geoportal special di negara ini, Jabatan Ukur telah pun menyediakan satu platform iaitu goe portal Ukur yang mana boleh diakses oleh semua agensi kerajaan dan orang ramai.

Pihak kerajaan dan agensi yang berkepentingan bolehlah membuat perancangan projek-projek kerajaan dengan membuat keputusan dengan lebih cepat dan mudah. Dan antara usaha-usaha Jabatan Ukur menambah baik perkhidmatan ini antaranya ialah menyediakan iplikasi mudah alih iaitu *Geoportal Mobile App* yang membolehkan orang ramai akses dengan mudah melalui telefon pintar, selain juga boleh diakses secara konvensional dengan menggunakan komputer.

Kedua menambahkan rangkaian *Continuously Operating Reference Station (CORS)* bagi membantu pengukuran lebih cepat dan tepat melalui projek RKN: *Upgrading and Densitication of CORS (CORS)*.

Ketiga menggunakan *drone mapping* bagi mengemaskinikan beberapa kawasan yang dikenal pasti dalam usaha pihak Jabatan Ukur untuk diperkembangkan lagi selaras dengan amalan terbaik di rantau ini mahupun antarabangsa; dan

Keempat kongsi sama data-data kecuali data-data *restricted* dalam *Geoportal* dan juga sebagai alternatif kepada data-data ukur yang tidak kemaskinikan, dan penggunaan peta lapis atau base map

yang diperolehi secara *outsource* sedikit sebanyak telah dapat menunjukkan keberkesanan dan mempelbagaikan penggunaan peta.

Juga membolehkan agensi swasta dan orang ramai untuk melaksanakan pembelian pelan CP, lambaran ISO ukur dan maklumat system *geodetic* secara di dalam talian melalui aplikasi *Geoportal* Ukur. Sentiasa mengenai produk yang sangat diperlukan oleh agensi-agensi dan orang awam seperti Buku Mukim Kampung dan Buku Ayer Pasang.

Penswastaan sebahagian besar daripada kerja-kerja pengukuran pengambilan balik tanah termasuklah juga *trographical survey* yang mana akan disiapkan dengan lebih cepat dan juga membuat perancangan untuk memperbaiki lagi dalam kaedah penghantaran dan pemprosesan kerja pengukuran secara digital dalam RKN 12 nanti ان شاء الله.

Sekian terima kasih atu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Seperti taklimat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan

dalam Perancangan Strategik Mengentuh Perumahan Awam Negara Beberapa perubahan pembinaan tanah telah dibuat. Dalam hubungan ini kaola menyentuh Tajuk - SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan.

Kaola difahamkan permohonan yang bagi orang masih muda atau bujang yang berumur 35 tahun, permohonan mereka belumlah layak untuk dipertimbangkan.

Pertanyaan kaola adakah inisiatif daripada pihak berkenaan bagi mewujudkan Skim Permohonan Golongan Belia atau Belia Masih Bujang.

Seterusnya kaola memohon pencerahan adakah pihak berkenaan mempunyai inisiatif atau rancangan bagi membina rumah bagi golongan yang berpendapatan rendah yang tinggal di rumah-rumah tidak layak atau tidak mempunyai rumah sendiri, tetapi memiliki tanah dengan syarat yang cukup untuk membina rumah termasuk juga kepada mereka yang mempunyai tanah sendiri tetapi tidak mampu mendirikan rumah agar diberikan subsidi skim perumahan sedia ada.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai dengan inisiatif perumahan dalam Skim Golongan Belia ataupun Belia Yang Masih Bujang ini barangkali menjawabnya antara syarat permohonan untuk

mendapatkan rumah di bawah Skim Perumahan Negara ialah pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas, satu persyaratan.

Dan juga mohon bujang yang berumur di bawah 35 tahun adalah melebihi syarat umur kelayakan iaitu 18 tahun dan adalah dipertimbangkan untuk mendapat rumah di bawah Skim Perumahan Negara sendirinya.

Permohonan juga tertakluk kepada persyaratan yang lain iaitu permohonan hendaklah mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya \$445 hingga \$3,030 sebulan dan pemohon atau isteri pemohon atau suami pemohon hendaklah tidak mempunyai tanah bergeran. Walau bagaimanapun dalam pemberian rumah-rumah seperti ini.

Kementerian telah pun mengutamakan permohonan yang berumahtangga dan mempunyai tanggungan. Oleh itu, permohonan bujang, permohonan orang-orang belum kahwin tetapi ada tanggungan adalah masih diberi keutamaan.

Pada masa ini, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan belum ada Skim Perumahan Golongan Belia dan Belia Masih Bujang. Jika permohonan pemohon mempunyai tanah bergeran walaupun ianya layak dan dari segi umur dan pendapatan ianya dengan sendiri adalah tidak layak untuk memohon mendapat rumah di bawah Skim Perumahan Negara.

Di dalam hal ini, terdapat skim-skim lain di bawah Majlis Ugama Islam dan juga

Yayasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menghulurkan bantuan bagi permohonan yang mempunyai tanah tetapi tidak mampu untuk membina rumah sendiri. Permohonan-permohonan hendaklah mempunyai kriteria-kriteria kelayakan di bawah setiap agensi yang memberikan bantuan tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi:
Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ dalam kesempatan ini kaola merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan mewakili rakyat dan penduduk Zon 2, Daerah Brunei dan Muara menyampaikan ucapan terima kasih atas terbinanya lebuhraya dan lampu isyarat trafik Kampung Mentiri. Projek ini telah dapat mengatasi kesesakan lalu lintas yang sebelum ini keadaan laluan begitu sesak dengan kenderaan terutama di sebelah pagi, tengahari dan petang.

Yang Berhormat Pengerusi.

Lampu isyarat di Kampung Sungai Buluh dan Kampung Salar serta Masjid Setia Ali sebelum ini mengalami banjir. Sekarang tidak lagi dibanjiri dan selamat

digunakan. Begitu juga dengan jalan raya Kampung Serasa, Kampung Sabun dan Jalan Perusahaan telah dapat dinikmati oleh masyarakat dan pendudukan kawasan sebelah Muara.

Keprihatinan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mengatasi perkara ini amat kami hargai. Sikap pemedulian beginilah perlu ada pada pemimpin kerana siapa lagi yang perlu mendengar suara rakyat kalau bukan kitani.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Izinkan kaola untuk menyampaikan sebuah pantun kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan:-

Dari Mentiri pergi Serasa,
Singgah membeli Si Buah Pala;
Dato berbudi kita merasa;
Ke hadrat ﷻ dipohonkan pahala.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh mengenai dengan Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan yang peruntukannya diberikan \$14,072,570.00 dalam Skim Rancangan Perumahan Negara dikurniakan kepada rakyat dan penduduk yang tidak memiliki tanah geran. Kegagalan membuat pembayaran balik mungkin menjadi isu atau fenomena yang menimbulkan masalah pihak kerajaan.

Kaola ingin bertanya di sini tahun-tahun mendatang, pemohon skim terdiri dari yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta yang mendapatkan gaji bulannya melalui skim TAP dan pencen umur tua,

selain dari pembayaran perumahan juga, pendapatan tersebut untuk mengimbangi perbelanjaan keluarga dan lain-lain. Merujuk senario di atas bagaimana dan apa perancangan pihak kerajaan bagi pembayaran balik ini tidak terlalu terjejas.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola ingin menyentuh lagi Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan di mana perbelanjaan peruntukan sebanyak \$17,756,210.00.

Mengenai Perkhidmatan Air Bersih. Walau bagaimanapun kitani masih menerima bekalan air yang kurang bersih iaitu kekuningan dan lain-lain. Kaola bertanya apakah langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan air bersih yang sepatutnya di Negara Brunei Darussalam dan terdapat syarikat-syarikat tempatan mengkilangkan dan membotolkan minuman seperti air *mineral water*, bolehkah pihak berkenaan memberikan komen mengenai kualiti standard mengenainya.

Dan yang terakhir Jabatan Buruh menghendaki salinan surat *sijil OP* yang telah dikeluarkan sama ada Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa atau Jabatan Tanah. Apabila sebuah syarikat hendak memberi lesen pekerja ini adalah berkaitan apabila syarikat-syarikat menyewa rumah-rumah persendirian, untuk menempatkan pekerja sebagai tempat tinggal yang menjadi keresahan dan kesusahan kepada pemilik rumah ialah kesusahan untuk mendapatkan sijil *OP*, yang di maksudkan kerana *sijil OP* tersebut tidak ada simpanan tuan punya

rumah dan hilang kerana kebanyakan rumah-rumah tersebut sudah pun berusia lebih sepuluh tahun.

Tuan punya rumah dinasihatkan mendapatkan dari jabatan berkenaan, seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau Jabatan Tanah. Tertakluk kawalan kemajuan, jika Sijil OP juga tidak ada dalam simpanan jabatan berkenaan maka Jabatan Buruh menghendaki tuan punya rumah untuk *engage* arkitek bagi proses pengeluaran OP. Sehubungan dengan ini dapatkan jabatan berkenaan mencari jalan yang bijaksana untuk menyelesaikan isu mendapatkan Sijil OP ini tanpa *engage* arkitek.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, pada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai dengan projek-projek yang telah pun dilaksanakan, اللَّهُمَّ اِن شاء الله Jabatan Kerja Raya berusaha.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang telah Yang Berhormat Dato terangkan dalam mukadimah dengan panjang lebar tidaklah perlu dijawab. Nampaknya mereka bertanya yang sudah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar dalam mukadimah tadi.

Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Ada dua soalan yang mungkin kaola jawab sudah mengenai dengan air itu, barangkali kaola sudah sampaikan tadi dengan lebih jelas mengenai air kekuningan. Mengenai dengan soalan pertama itu tadi mengenai Skim Perumahan Negara.

Skim Perumahan Negara kegagalan membuat pembayaran balik ataupun tertunggak atau yang menjadi isu. Memang adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab semua pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara untuk membuat pembayaran balik perumahan secara konsisten sepertimana yang dipersetujui atau diatur sesuai dengan perjanjian pemilik tersebut dengan pihak kerajaan semasa peruntukan rumah berkenaan.

Dan komitmen ini untuk membayar balik dan untuk melunaskan pembayaran rumah juga adalah perlu diberikan kepentingan dan keutamaan oleh pemilik-pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara. Dalam pengurusan perbelanjaan keluarga sepertimana juga perbelanjaan kemampuan mereka yang lain.

Ke arah memantapkan lagi usaha-usaha lagi ke arah kutipan yang lebih berkesan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan secara berterusan akan mengeluarkan surat-surat notis peringatan tuntutan-tuntutan kepada pemilik rumah berserta penjamin di bawah Skim Perumahan Negara dengan hasrat pemilik rumah mengetahui status pembayaran mereka

seperti jumlah yang telah dibayar, baki pembayaran dan jumlah tunggakan jika ada yang perlu dilunaskan, bagi membolehkan mereka membuat pembayaran.

Selain daripada itu, pembayaran melalui potongan gaji secara bulanan, pembayaran melalui kaunter pembayaran dan juga secara online melalui *One Common Billing System (OCBS)*, juga adalah antara kemudahan dan platform yang disediakan bagi memudahkan pemilik membuat pembayaran balik perumahan.

Dalam pada itu Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Perumahan juga sentiasa mencari pendekatan yang lebih proaktif dan juga lebih berkesan dalam menangani isu tunggakan ini. Yang mana yang disesalkan untuk menjurus kepada usaha ke arah mempertingkatkan kepekaan dan kesedaran awam khususnya kepada pemohon-pemohon dan kepada pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara dalam urusan pembayaran dan juga usaha untuk menggalakkan pemohon bagi mengamalkan budaya tabiat menabung seawal-awalnya selagi persediaan bagi mendapatkan rumah negara di hari kemudian.

Dan mengenai soalan Sijil Pengeluaran *OP* yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Tanah. Untuk makluman *OP* ataupun *Occupational Permit* adalah sijil persiapan kemajuan yang dikawal Perintah Kawalan Bangunan 2014, yang

mana dikeluarkan bagi pembinaan bermula pada 2016.

Manakala bagi pembinaan sebelum 2016, pengesahan persiapan bangunan telah pun dikeluarkan oleh berapa jabatan yang mengawal kemajuan iaitu Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan pihak kawalan yang berkuasa yang layak kawalan kemajuan ataupun juga Jabatan Bandaran tertakluk kepada tahun dan kawasan.

Dalam menyelesaikan kehendak keperluan Jabatan Buruh ini iaitu pembinaan bangunan yang dilaksanakan sebelum 2016. Bangunan-bangunan komersial, perindustrian perumahan, jenis *apartment, workup Flat* yang sedia ada yang boleh mendapatkan sijil pengesahan bangunan sahaja.

Dengan mempunyai sijil *Fire Certificate* dari Jabatan Bomba dan Penyelamat yang sah dan salinan jadual penyelenggaraan bangunan (*building maintenance schedule*), bagi memastikan bangunan tersebut adalah selamat dan sentiasa terjaga. Dan pihak *ABCi* juga mengeluarkan *pre-assement* ke atas bangunan bagi mengenal pasti sama ada pemilik bangunan perlu menjalankan *periodic inspection* ataupun sebaliknya atau melantik jurutera profesional ataupun yang berdaftar.

Bagi rumah-rumah persendirian pula pemilik tanah ataupun pemilik bangunan hendaklah membuat pengakuan yang mana rumah tersebut adalah dalam keadaan yang baik dan tidak ada sebarang ubah suai, tambahan ataupun

yang pernah dilaksanakan serta tidak terkeluar daripada garisan bangunan yang dikuat kuasa oleh autoriti pihak perancang pada tahun pembinaannya. Barangkali itu sahaja barangkali yang dapat kaola jawab pada masa ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Dan yang akhir sekali saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Apakah perancangan jangka panjang bagi pengurusan sampah di negara ini? Di samping itu saya ingin mencadangkan pengumpulan sampah kitar semula secara sistematik dapat dibuat di kawasan Rancangan Perumahan Negara. Ini memandangkan reka bentuk kawasan perumahan adalah praktikal bagi syarikat kitar semula untuk membuat pengumpulan kitar semula seminggu sekali dalam setiap rumah seperti yang dibuat di negara lain. Pengitaran semula di sektor kerajaan juga dapat dibuat secara berfasa bermula dengan kertas.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Mengenai dengan soalan perancangan jangka panjang bagi pengurusan sampah di negara ini. Barangkali pihak kerajaan melalui Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan dan juga Kementerian Kesihatan. Memang sudah sentiasa berusaha melalui pelaksanaan beberapa kaedah daripada pelbagai sudut mengenai dengan isu-isu kebersihan.

Antaranya ialah menyediakan peraturan-peraturan dan perundangan persyaratannya dan garis panduan secara *whole of nation approach* dengan kerjasama dan penglibatan kegiatan pelbagai pihak melalui agensi, orang ramai dan juga akan sentiasa dipertingkatkan.

Penyediaan-penyediaan fasiliti dan sistem pengurusan sampah bagi kegunaan orang ramai yang mencukupi dan juga program-program kesedaran awam dan pembelajaran dari awal sekolah bagi peringkat kanak-kanak akan sentiasa dilaksanakan dan dipantau keberkesannya.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah sisa pembuangan sampah ini yang dihadapi demi untuk membaiki lagi pengurusan pembuangan sampah dan melindungi alam sekitar di negara ini.

Untuk jangka panjang, Kementerian Pembangunan melalui JASTRe telah menggubal beberapa peraturan-peraturan termasuklah Peraturan Sisa Pepejal (*Solid Waste Management Regulation*) di bawah Perintah

Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar 2016 (*Protection and Management Order 2016*).

Dari segi pemantauan pula pihak Kementerian Pembangunan melalui JASTRe telah pun memasang beberapa unit CCTV kamera di tempat lokasi strategik yang mana bertujuan untuk membanteras aktiviti pembuangan sampah seperti yang kaola sampaikan tadi dalam di masa mukadimah.

Pihak kementerian juga telah menerokai teknologi-teknologi moden dan terkini dan diharap akan dapat dilaksanakan. Antaranya ialah projek pembersihan Sungai Brunei yang mana akan menggunakan bot-bot yang berkeupayaan tinggi dan moden dan juga penubuhan loji *Incenerator Unit Waste Energy* yang masih lagi dalam penelitian pada masa ini.

Sementara itu bagi mempertingkatkan kadar kitar semula di negara ini, pihak Kementerian Pembangunan melalui JASTRe akan meneroka kaedah yang dipikirkan sesuai dengan sistem pengurusan sampah di negara kitani. Jika sekiranya kitar semula merupakan kaedah yang praktikal dan berpusat pengumpulan yang sistematik akan diperkenalkan termasuklah di kawasan-kawasan perumahan dan cadangan untuk mengumpul semula kitar semula di kawasan perumahan itu adalah suatu cadangan yang disambut baik oleh Kementerian Pembangunan dan ان شاء الله akan diusahakan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah sudah kita berbincang mengenai dengan Tajuk Kementerian Pembangunan ini dan tibalah pula masanya bagi tajuk ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya kita luluskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga SK08A - Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka untuk menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira cukup sekian kita bersidang pada pagi ini. Saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada

sebelah petang ini nanti mulai pukul 2.30
petang . ان شاء الله

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)